# BAB I

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Al-Quran diturunkan Allah SWT kepada Rasulullah SAW melalui perantaraan Jibril a.s sebagai panduan hidup umatnya hinggalah ke hari akhirat. Rasulullah SAW. pula telah menyempurnakan tugas sebagai penyampai risalah Allah SWT dengan mengajarkan al-Quran kepada para sahabat r.a. secara *Talaqi* dan *Musyafahah* sehinggalah mereka dapat menghafal al-Quran seterusnya mengamalkan isi kandungannya di dalam amalan seharian mereka.

Para sahabat pula seterusnya meneruskan tugas ini dengan menyampaikan al-Quran kepada tabiin dengan kaedah yang sama iaitu melalui *Talaqi* dan *Musyafahah* dan seterusnya kaedah inilah yang dipakai dari satu generasi ke generasi sehinggalah sampai kepada kita hari ini. Ini terbukti dengan sejarah pengumpulan al-Quran di dalam bentuk tulisan oleh Saidina 'Uthman r.a. Beliau tidak mengabaikan sunnah penyampaian al-Quran itu sendiri yang mestilah diwarisi terus dari mulut ke mulut. Buktinya, mushaf al-Quran yang berjumlah enam naskhah itu pada permulaannya telah dikirimkan bersama-sama dengan guru-guru untuk mengajarkan bacaannya ke negeri-negeri umat Islam pada masa itu.

Jelaslah kepada kita bahawa di dalam pembacaan al-Quran, Rasulullah SAW dan para sahabat sangat menitikberatkan penjagaan terutama sekali di dalam bentuk pertuturan terhadap ayat-ayat al-Quran. Perkara ini diteruskan oleh para tabiin dan *Salaf al-Salih* serta generasi-generasi selepas itu sehingga lahirnya Ilmu Tajwid yang mana di antara tujuannya adalah untuk menjaga lidah daripada salah sebutan terhadap ayat-ayat suci al-Quran. Ini juga berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran yang menggesa

Rasulullah SAW sendiri supaya menitikberatkan pembacaan al-Quran dan tidak tergesa-gesa membaca al-Quran.

Firman Allah SWT :

وَرَتِّلِ ٱلۡقُرۡءَانَ تَرۡتِيلًا ﴿٤﴾

Maksudnya : Bacalah al-Quran itu dengan *tartil* (bertajwid)
Surah al-Muzzammil ( 73 ) : 4

Firman Allah SWT lagi :

لَا تُحَرِّكۡ بِهِۦ لِسَانَكَ لِتَعۡجَلَ بِهِۦٓ ﴿١٦﴾ إِنَّ عَلَيۡنَا جَمۡعَهُۥ وَقُرۡءَانَهُۥ ﴿١٧﴾ فَإِذَا قَرَأۡنَٰهُ فَٱتَّبِعۡ قُرۡءَانَهُۥ ﴿١٨﴾

Maksudnya : Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendakkan cepat menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadamu menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu) dan menetapkan bacaannya (kepadmu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.

Surah al-Qiyamah (75) : 16-18

Kita sebagai umat Muhammad SAW, mestilah mewarisi kaedah atau cara bagaimana Rasulullah SAW memelihara dan berhati-hati dalam menjaga kesahihan bacaan al-Quran. Walaupun Rasulullah SAW telah dijamin terlepas dari melakukan kesilapan, baginda tetap menyemak bacaan dengan Jibril a.s. setahun sekali iaitu pada bulan Ramadan.

Penjagaan Tajwid dalam pembacaan al-Quran bukan sahaja berkaitan dengan pembacaan al-Quran semata-mata malah turut memberi kesan dalam ibadat. Sebagai contoh, bacaan surah al-Fatihah merupakan rukun di dalam solat, maka sebarang kecacatan dalam pembacaan sudah tentu akan memberi kesan kepada solat secara keseluruhannya.

## 1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Umum mengetahui akan surah al-Fatihah dan kepentingannya. Mengandungi tujuh ayat dan ia adalah surah pertama yang terdapat dalam al-Quran. Dalam metode *Usul al-Fiqh*, ada kaedah menyebutkan bahawa, "*barang yang tidak sempurna wajib itu melainkan dengannya maka ia dikira wajib*"[1]. Oleh yang demikian dapat dijelaskan bahawa mempelajari surah al-Fatihah itu sendiri adalah wajib kerana ia merupakan salah satu rukun (*qawli*) daripada sekalian rukun solat yang tiga belas. Namun masih perlu diselidiki lagi bagaimanakah sifat bacaan al-Fatihah itu, Apakah sah al-Fatihah dengan tersalah ayat, tersilap kalimah atau tertukar baris dan huruf? Di dalam kitab *al-Fiqh al-Muyassar* menyatakan bahawa tertinggal satu *Shiddah* (sabdu) di dalam surah al-Fatihah akan membawa kepada tidak sahnya sesuatu solat.[2]

Semua kesalahan dalam pembacaan al-Quran itu tidak akan lari daripada 2 jenis kesalahan iaitu *lahn al-Khafi* (kesalahan yang tersembunyi) dan *lahn al-Jali* (kesalahan yang nyata). Bacaan al-Fatihah itu pula sudah sekian lama dihafal dan tidak pernah diperdengarkan dan hanya dibaca perlahan. Jika tersalah hafalan itu daripada permulaan, tiada pula orang menegur dan membetulkan, ditakuti kekal bacaannya dengan banyak kesalahan.

Atas dasar dan alasan ini penulis ingin mengkaji kualiti bacaan surah al-Fatihah dengan mengadakan penyelidikan terhadap jemaah masjid-masjid di daerah Hulu Langat, Selangor . Matlamatnya adalah untuk mengetahui sejauh mana kemampuan dan kemahiran bacaan al-Fatihah mereka seterusnya data-data yang diperolehi dapat dijadikan ukuran bagi memastikan program atau kursus yang sesuai seperti mengadakan kelas *Tahsin al-Qira'ah* atau yang seumpama dengannya dapat dijalankan oleh pihak

---

[1] Muhamad Sidqi bin Ahmad al-Bawruno (1989) *Al-Wajiz fi Idah Qawa'id al-Fiqh al-Kuliyyah* cet 2. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif h.342

[2] Ahmad 'Isa 'Asyur (2003) *Al-Fiqh al-Muyassar* Beirut: Dar al-Khayr h.88

berkaitan. Mudah-mudahan kajian yang dilakukan dapat diselesaikan dan memberi manfaat buat semua pihak.

## 1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan latarbelakang masalah yang dibentangkan maka dalam kajian ini penulis berhasrat dapat menyelesaikan persoalan-persoalan atau permasalahan kajian ini iaitu:

**1.3.1** Apakah tahap kemahiran pembacaan al-Fatihah dalam kalangan jemaah di masjid-masjid daerah Hulu Langat, Selangor.

**1.3.2** Apakah kaitan surah al-Fatihah dengan tahap kualiti ibadat solat seseorang.

**1.3.3** Apakah usaha pihak yang bertanggungjawab terhadap masjid-masjid daerah Hulu Langat, Selangor dalam memastikan pembacaan al-Quran yang betul terutamanya surah al-Fatihah

## 1.4 Tujuan Kajian

Setiap penulisan mempunyai objektifnya yang tersendiri. Dalam penulisan ini, penulis berharap agar dapat mencapai beberapa objektif yang digariskan. Antara objektif-objektif yang dimaksudkan ialah :

**1.4.1** Memperkenalkan Ilmu Tajwid al-Quran sebagai suatu ilmu al-Quran yang amat penting disamping membekalkan maklumat yang tepat kepada masyarakat berkaitan dengannya.

**1.4.2** Mendapatkan maklumat kemahiran membaca surah al-Fatihah dalam kalangan umat Islam Selangor khususnya di daerah Hulu Langat.

**1.4.3** Mengenalpasti kesalahan-kesalahan yang biasa dilakukan di dalam pembacaan al-Fatihah khususnya dalam kalangan jemaah masjid di masjid-masjid daerah Hulu Langat, Selangor .

**1.4.4** Memastikan pendekatan yang sesuai dengan keupayaan umat Islam di daerah Hulu Langat, Selangor dalam memantapkan lagi kualiti ibadat, khususnya dalam bacaan surah al-Fatihah berdasarkan hasil kajian.

**1.4.5** Menjadikan hasil kajian sebagai landasan dasar atau utama dalam program pemantapan rohani yang akan dijalankan pihak-pihak berkaitan

**1.4.6** Sebagai memenuhi salah satu syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Usuluddin dalam bidang pengkhususan al-Quran & al-Hadith

## 1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis berasal dari dua perkataan, iaitu "hipo" yang bermaksud sementara dan "tesis" yang bermaksud kenyataan. Maka Hipotesis adalah kenyataan sementara[3] Hipotesis ialah saranan sementara bagi menjelaskan fenomena yang dikaji atau saranan sementara bagi menyelesaikan masalah. Hipotesis Penyelidikan pula merupakan pernyataan ramalan pengkaji tentang perhubungan antara variabel-variabel[4]. Di antara gambaran awal atau anggapan awal hasil yang bakal diperolehi oleh penulis ialah:

**1.5.1** Tidak semua masjid di daerah Hulu Langat, Selangor mempunyai kelas pengajian ilmu Tajwid.

[3] Syed Arabi Idid. (2002), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains* c. 4. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka h.22
[4] Chua Yan Piaw(2006), *Kaedah Penyelidikan*, j.1 Kuala Lmpur: Mc Graw Hill, h.14

**1.5.2** Kemahiran bacaan surah al-Fatihah dalam kalangan jemaah masjid-masjid di daerah Hulu Langat, Selangor adalah ditahap baik

**1.5.3** Kesalahan yang dilakukan dalam kalangan jemaah masjid-masjid di daerah Hulu Langat, Selangor dalam pembacaan surah al-Fatihah adalah tediri dari kesalahan kecil yang tidak menjejaskan solat

Penulis juga ingin mengkaji perhubungan diantara kelas pengajian di satu-satu masjid dengan tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah jemaah masjid. Bagi tujuan tersebut penulis mengandaikan:

**1.5.4** Hipotesis *Nul* 1: Tidak terdapat hubungan antara kewujudan kelas pengajian Tajwid di masjid dengan tahap kemahiran bacaan al-Fatihah jemaah masjid

**1.5.5** Hipotesis *Nul* 2: Tidak terdapat hubungan antara sambutan kelas Tajwid di masjid dengan tahap kemahiran bacaan al-Fatihah jemaah masjid.

Selain itu penulis juga menjangka hasil kajian penulis akan merumuskan:

**1.5.6** Kelas tahsin al-Fatihah atau kelas Tajwid secara praktikal perlu dijalankan oleh pihak-pihak berkenaan merangkumi semua kawasan daerah Hulu Langat, Selangor bagi meningkatkan kualiti bacaan al-Quran muslimin khususnya surah al-Fatihah yang menjadi salah satu rukun solat

**1.5.7** Hasil kajian nanti dapat memberi ruang serta bahan rujukan tambahan kepada individu-individu yang ingin menceburi bidang pengajian khususnya di dalam bidang Tajwid

## 1.6 Kepentingan Kajian

Penulis merasakan kajian ini penting dan bermanfaat. Antara manfaat yang dijangka dapat diraih dari kajian ini ialah:

**1.6.1** Pengetahuan mengenai kemahiran bacaan al-Fatihah dalam kalangan jemaah masjid-masjid di daerah Hulu Langat, Selangor

**1.6.2** Perolehan data dan maklumat bagi membantu dalam merangka program sebagai landasan dasar atau utama dalam program pemantapan rohani yang akan dijalankan pihak-pihak berkaitan

**1.6.3** Perolehan data dan maklumat bagi tujuan perancangan dan strategi *Tahsin al-Qira'ah* pada masa hadapan.

## 1.7 Skop Kajian

Dalam kajian ini penulis akan menumpukan kepada mendapatkan data dan membuat penilaian mengenai kemahiran pembacaan al-Fatihah dikalangan jemaah masjid-masjid di daerah Hulu Langat, Selangor. Bagi mendapatkan hasil penilaian yang tepat berkenaan tahap kemahiran dalam pembacaan maka penulis menggunakan kaedah rakaman pembacaan surah al-Fatihah. Dalam pembacaan al-Quran yang betul penekanan perlu kepada *Fasahah* (kelancaran), *Makhraj* huruf yang tepat, (cara penyebutan huruf-huruf Hija'iyyah dari tempat keluar huruf yang betul), perlaksanaan hukum-hukum Tajwid yang terdapat pada ayat yang dibaca serta mengelakkan daripada melakukan *al-Lahn* (kesalahan)

Terdapat 45 buah masjid[5] di daerah Hulu Langat, Selangor yang mewakili 7 mukim[6]. Pola penempatan pula terdiri daripada penduduk yang mendiami bandar, pekan dan kampung. Di dalam kajian ini penulis akan menskopkan kepada lebih kurang 30% dari jumlah keseluruhan masjid di daerah Hulu Langat ini iaitu 13 buah masjid yang merangkumi semua mukim dan pola penempatan. Bagi pemilihan sample pula, penulis akan mensasarkan 30 jemaah bagi setiap masjid yang dipilih

## 1.8 Pengertian Tajuk

Menurut kamus Dewan, Kemahiran bermaksud kecekapan atau kepandaian,[7] al-Fatihah adalah surah pertama dalam al-Quran.[8] Jemaah bermaksud kumpulan orang beribadat atau orang ramai[9] manakala masjid pula adalah bangunan khas tempat orang Islam menunaikan solat Jumaat dan ibadat-ibadat lain[10]. Daerah pula adalah lingkungan sesuatu pemerintahan atau wilayah[11]. Dari konteks kajian, tajuk penulisan ini bermaksud tinjauan kemahiran atau ketepatan bacaan al-Quran secara khususnya surah al-Fatihah dikalangan masyarakat muslim yang menjadi jemaah di masjid-masjid daerah Hulu Langat, Selangor .

## 1.9 Tinjauan Literasi

Sebelum memulakan kajian penulis telah membuat suatu sorotan kajian terdahulu terhadap tajuk yang telah dipilih. Sorotan kajian terdahulu ini dibuat melalui

---

[5] Senarai masjid-masjid daerah Hulu Langat yang dikeluarkan Pejabat Agama Islam Daerah pada 1/10/2008.
[6] http://ms.wikipedia.org/wiki/Hulu_Langat 10/06/2008

[7] Teuku Iskandar Dr. (2004). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.h. 970
[8] *Ibid* h. 34
[9] *Ibid* h. 621
[10] *Ibid* h. 1002
[11] *Ibid* h. 300

beberapa bahan bertulis seperti kertas kerja, latihan ilmiah, disertasi atau tesis dan lainnya. Tidak dikecualikan juga bahan-bahan seperti buku, jurnal, majalah, dan sebagainya.

Dalam pengujian atau penaksiran sesuatu kemahiran yang berbentuk psikomotor seperti bermain bola atau berbahasa dan termasuk juga dalam kemahiran dalam pembacaan al-Quran memerlukan kepada bentuk ujian praktikal. Dalam tinjauan penulis terhadap kajian-kajian berkaitan kemahiran pembacaan al-Quran dan Tajwid didapati hanya satu kajian yang menggunakan instrumen ujian pembacaan iaitu kajian oleh Zuraidah binti Othman dalam kajian sarjananya yang bertajuk "Amalan dan kemahiran membaca al-Quran di kalangan pelajar Institut Bahasa Melayu Malaysia**".** Beliau menggunakan buku Iqra' 5 dan 6 sebagai instrumen ujian pembacaan. Oleh sebab itu penulis merasakan perlu kajian dilaksanakan dengan memberi penumpuan penuh pada tahap pembacaan al-Quran secara praktikal. Ini disebabkan tuntutan pembacaan al-Quran yang tepat dan betul adalah dalam pengamalan dan bukan teori semata-mata. Menurut *al-Murassafi* dalam kitabnya *Hidayah al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari,* perlaksanan Tajwid dalam pembacaan al-Quran adalah fardu 'ain bagi muslimin dan muslimat[12]. Atas dasar ini penulis merasakan kajian penulis adalah releven dan boleh dikembangkan lagi. Tambahan lagi penulis menjadikan surah al-Fatihah sebagai dasar kajian kerana kedudukan surah ini yang sudah tentunya tersemat di dada setiap *mukallaf.*

Terdapat juga kajian ilmiah atau tesis yang berkaitan dengan tajuk kajian penulis. Setelah penelitian dan kajian dilakukan, penulis belum mendapati mana-mana kajian terdahulu yang menyamai tajuk penulis ini. Namun, terdapat beberapa kajian terdahulu yang mempunyai hubungan secara tidak langsung dengan tajuk ini terutamanya berkaitan dengan al-Quran dan Tajwid. Justeru penelitian terhadapnya juga

---

[12] 'Abd al-Fatah al-Sayyid 'Ajimi al-Murassafi (2001) *Hidayah al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari.* j.1 Madinah: Dar al-Fajr al-Islami. h. 47

amat penting kerana dapat membantu penulis melakukan kajian dengan lebih sempurna dan teratur.

Kajian yang dilakukan oleh Fakhrul Adabi Abdul Kadir pada tahun 2006 bertajuk "*Kelas agama di masjid-masjid daerah Hulu Langat, Selangor : kajian tentang persepsi masyarakat dan keberkesanannya*" mengkaji persepsi keberkesanan pengajian agama yang terdapat di masjid-masjid daerah Hulu Langat, Selangor terhadap jemaah masjidnya. Kajiannya lebih umum kepada pengajian agama tanpa terperinci pada setiap subjek yang diajar. Beliau juga menskopkan bilangan masjid dengan menjadikan tiga masjid sahaja sebagai sample kajian yang mewakili tiga pola penempatan di daerah Hulu Langat, Selangor iaitu bandar, pekan dan kampung. Beliau mendapatkan maklumat dengan menggunakan instrument soal selidik, temubual dan observasi.

Zuraidah binti Othman dalam kajian sarjananya yang bertajuk "*Amalan dan kemahiran membaca al-Quran di kalangan pelajar Institut Bahasa Melayu Malaysia*" pada tahun 2006 meninjau tentang pendidikan asas al-Quran pelajar, bentuk-bentuk amalan dalam pembacaan al-Quran dan tahap pencapaian pelajar dalam pembacaan al-Quran menggunakan kaedah Iqra' 5 dan 6 yang menjadi sukatan pelajaran Pendidikan Islam, komponen pendidikan al-Quran bagi pelajar semester lima, Kursus Diploma Perguruan Malaysia peringkat Diploma Perguruan Malaysia Peringkat asas. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah pemerhatian, soal-selidik, temubual dan ujian pembacaan. Hasil kajian mendapati tahap pencapaian respondan secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana sahaja.

Romlah Abu Bakar Askar pula dalam menyentuh tentang surah al-Fatihah dalam kajiannya "*Hadith al-Imam al-Baghawi dalam Tafsir Ma'alim al-Tanzil : kajian khusus tentang surah al-Fatihah dan al-Baqarah*" pada tahun 2005, mengkaji hadith-hadith yang terdapat dalam *Tafsir Ma'alim al-Tanzil* khususnya dalam tafsir surah al-Fatihah dan al-Baqarah dengan membawa pendekatan kritik hadith. Walaubagaimanapun beliau tidak menerangkan kedudukan surah al-Fatihah dari segi Tajwid atau Fekah.

Abdullah bin Mohammad dalam penulisan sarjananya ‘*Kemahiran Ilmu Tajwid di kalangan pelajar : kajian di Maktab Perguruan Besut, Terengganu*” pada tahun 2004 menumpukan kajian kepada kemahiran pelajar dalam menghafaz huruf *Hija’iyyah*, membaca kalimah, ayat dan surah, Tajwid hukum lima (*Iqlab*, *Ikhfa’*, *Idgham bi Ghunnah, Idgham bila Ghunnah*) dan klasifikasi hukum. Kajian ini juga menganalisis perbezaan jantina latar belakang akademik dan pengajian semasa sekolah bagi melihat signifikasi perbezaan dalam kemahiran ilmu Tajwid. Instrumen yang digunakan bagi mendapatkan data adalah soal selidik. Kajian mendapati pelajar perempuan lebih berkemahiran daripada pelajar lelaki, dan aliran agama lebih berkemahiran daripada aliran sains dan sastera. Beliau juga mencadangkan siri kuliah pengkayaan kepada pelajar dari aliran agama dan kuliah pemulihan bagi pelajar aliran sains, sastera dan SPM

Siti Fatimah Sudin Dalam tesis sarjana pada tahun 2002 yang bertajuk “*Pembacaan Al-Qur'an di kalangan mahasiswa Melayu : suatu kajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor*” mengkaji tahap pembacaan dikalangan mahasiswa di Universiti Teknologi Mara (UiTM), di setiap fakulti. Beliau telah menskopkan sampel kajian kepada 300 responden yang mewakili 17 fakulti di universiti berkenaan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah temubual, dan soal selidik. Hasil kajian mendapati kebanyakkan responden berada ditahap sederhana lancar tetapi masih ramai yang tidak lancar. Tahap pembacaan al-Quran pula mempunyai hubungkait dengan tahap mula belajar al-Quran.

Kajian Asmariah Othman dalam penulisan bagi bertajuk “*Kepentingan dan penguasaan ilmu Tajwid di kalangan mahasiswa-mahasiswi Islam : satu kajian di Universiti Malaya*” menilai dan mengkaji sejauhmanakah kepentingan dan penguasaan ilmu Tajwid di kalangan pelajar Universiti Malaya. Selain dari itu penulis ini juga mengkaji tahap penguasaan ilmu Tajwid samada dari segi ilmi dan amali serta jenis-jenis kesalahan yang sering kali dilakukan ketika membaca al-Quran.

Manakala kajian Hasbullah Omar Majid dalam penulisan yang bertajuk "*Kelas Al-Quran & Tajwid dan Fardu Ain : satu kajian di Daerah Sik Kedah Darul Aman*" menumpukan kepada kelas-kelas al-Quran & al-Tajwid dan Fardhu Ain yang diadakan di sekitar kawasan Sik. Selain dari itu penulis juga mengkaji kaedah-kaedah kelas pengajian dijalankan dari segi kaedah pembelajaran dan pengajian serta kepentingannya secara menyeluruh kepada masyarakat setempat.

## 1.10 Metodologi Penyelidikan

Di dalam menyempurnakan kajian ini, penulis menggunakan beberapa metode untuk mendapatkan data dan membuat penilaian terhadap fakta yang diperolehi. Metode-metode tersebut ialah metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode penganalisisan data.

### 1.10.1 Metode Penentuan Subjek

Dalam kajian ini, penulis memfokuskan tentang kemahiran bacaan surah al-Fatihah sebagai dasar utama kajian. Di samping itu membahaskan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan sejarah Tajwid al-Quran dan perinciannya terutama Tajwid yang terdapat di surah al-Fatihah dan kesalahan-kesalahan yang biasa dilakukan dalam pembacaan surah al-Fatihah. Penulis juga hanya memfokuskan kepada jemaah masjid-masjid di daerah Hulu Langat, Selangor dengan menskopkan kepada 13 masjid sebagai sasaran kajian. Walaubagaimanapun semua masjid sasaran adalah meliputi tujuh mukim yang berada di daerah Hulu Langat. Dalam menilai tahap kemahiran pembacaan al-Fatihah pula penulis membataskan kepada *Fasahah* (kelancaran), *Makhraj* huruf yang tepat, (cara panyebutan huruf-huruf Hija'iyyah dari tempat keluar huruf yang

betul), perlaksanaan hukum-hukum Tajwid yang terdapat pada ayat yang dibaca serta *al-Lahn* (kesalahan) yang dilakukan semasa pembacaan.

### 1.10.2 Metode Pengumpulan Data

Kajian yang dijalankan oleh penulis merupakan kajian lapangan namun penulis juga menggunakan metode kajian perpustakaan. Oleh itu, penulis akan merujuk kepada bahan-bahan bertulis sama ada penerbitan rasmi atau tidak rasmi seperti buku-buku, kertas-kertas kerja, tesis-tesis dan sebagainya selain dari turun ke lapangan kajian bagi mendapatkan data dari responden.

Beberapa buah perpustakaan telah digunakan bagi mendapatkan data-data yang diperlukan. Antara perpustakaan-perpustakaan tersebut ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Data-data yang dikumpulkan meliputi data primer dan skunder. Data-data ini diperolehi menerusi metode-metode berikut :

a) Metode Dokumentasi

Penulis menggunakan metode ini secara langsung dengan mengkaji dan menganalisis dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang dikaji. Dokumen tersebut termasuklah buku-buku, kertas-kertas kerja, jurnal-jurnal, tesis-tesis, ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah SAW.

Penggunaan metode dokumentasi ini adalah bertujuan untuk mengkaji latar belakang masalah, sejarah al-Quran dan Tajwid, perbahasan mengenai hukum-hukum Tajwid khususnya dalam surah al-Fatihah, Pembahagian *al-Lahn* dan kesalahan-kesalahan yang biasa dilakukan dalam pembacaan surah al-Fatihah. Penulis telah menggunakan metod ini bagi mendapatkan maklumat-maklumat serta bahan-bahan yang penting bagi menghuraikan topik perbahasan, terutama sekali yang berkaitan dengan Ilmu Tajwid al-Quran. Ini juga kerana ilmu ini banyak menggunakan karya-karya berbahasa Arab yang belum pernah diterjemahkan ke mana-mana bahasa moden. Secara keseluruhannya kitab rujukan di dalam Ilmu Tajwid adalah di dalam bahasa Arab. Metode ini banyak digunakan untuk mengkaji bab dua dan empat.

b) Metode Historis

Penggunaan Metode ini bertujuan untuk mendapatkan data-data yang mempunyai nilai sejarah. Metode ini banyak digunakan dalam bab dua dan tiga, ketika penulis membincangkan tentang sejarah ilmu Tajwid semenjak zaman Rasulullah SAW lagi serta sejarah di sebalik surah al-Fatihah. Metode ini juga penulis gunakan dalam menerangkan latarbelakang daerah Hulu Langat, Selangor dari segi sejarahnya secara umum dan masjid-masjid yang berada di daerah ini secara khusus.

c) Metode Temubual

Penulis menggunakan metode ini bagi mendapatkan maklumat dari individu secara peribadi. Bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengajian Tajwid di masjid-masjid daerah Hulu Langat, penulis akan menemubual nazir-nazir masjid. Maklumat

yang ditanya adalah adakah wujud kelas pengajian Tajwid di masjid tersebut dan jika ada bagaimana sistem pengajian Tajwid dijalankan.

d) Metode Rakaman

Bagi mendapatkan data berkenaan kemahiran bacaan al-Quran maka amat perlu resopnden membaca atau memperdengarkan bacaannya. Kerana itu penulis menggunakan metode ini, iaitu dengan meminta responden merakamkan bacaannya pada alat rakaman mp3 dan seterusnya rakaman itu akan penulis gunakan sebagai data. Dalam mendapatkan rakaman ini penulis akan meminta kebenaran responden terlebih dahulu. Sekiranya responden bersetuju untuk dirakam, penulis akan memintanya merakamkan bacaan surah al-Fatihah di mp3 yang disediakan. Rakaman akan dibuat secara sendirian. Ini bermaksud responden akan membaca surah al-Fatihah seorang diri dan bukan dihadapan penulis. Perkara ini penulis rasakan perlu bagi mendapatkan bacaan al-Fatihah yang sebenar dan bukan berbentuk “persembahan”. Setiap rakaman akan disimpan dan diasingkan mengikut masjid.

### 1.10.3 Metode Penganalisaan Data

Metode Analisis Data merupakan metode terpenting dalam melengkapkan sesuatu penyelidikan. Metode ini digunakan bagi menapis dan menentukan ketepatan sesuatu data bagi mencapai kesimpulan yang sahih. Bagi kajian ini metode yang digunakan adalah:

a) Metode Induktif

b) Metode Deduktif

c) Metode Komparatif

a) Metode Induktif

Melalui metode ini, penulis menganalisa segala data-data melalui pola berfikir untuk mencari kesimpulan daripada perkara-perkara yang bersifat khusus untuk dibuat kesimpulan secara umum. Metode ini digunakan oleh penulis untuk menganalisis data dalam bab dua dan tiga

b) Metode Deduktif

Melalui metode ini, penulis menganalisa segala data-data melalui pola berfikir untuk mencari pembuktian daripada perkara-perkara yang bersifat umum untuk dibuat kesimpulan secara khusus. Penulis menggunakan metode ini untuk menganalisis data dalam bab dua, tiga dan empat.

c) Metode Komparatif

Melalui metode ini, penulis membuat penelitian dan perbandingan daripada data-data yang diperolehi dan seterusnya membuat kesimpulan secara menyeluruh. Metode ini digunakan oleh penulis dalam bab empat dan lima.

## 1.11 Sistematika Penulisan

Penulisan ini terdiri dari beberapa bahagian iaitu bahagian awal, bahagian tengah dan bahagian akhir. Setiap bahagian ini pula dipecahkan kepada beberapa tajuk kecil yang lain. Penulis akan menjelaskan pembahagian ini dan beberapa tajuk kecil yang terkandung di dalamnya. Penulisan ini terdiri daripada lima bab. Setiap bab mempunyai beberapa tajuk kecil iaitu:

Bab Satu

Di dalam bab satu terdiri daripada pengenalan kepada topik kajian, latar belakang masalah, persoalan kajian, kepentingan kajian, pengertian tajuk, tujuan kajian, skop kajian, tinjauan literasi, hipotesisi kajian, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan

Bab Dua

Seterusnya dalam bab dua pula iaitu berkaitan dengan pengenalan al-Quran, Ilmu Tajwid dan pengenalan surah al-Fatihah. Di dalam bab dua ini penulis akan memperincikan tentang sejarah al-Quran, ilmu Tajwid secara keseluruhannya yang meliputi pengenalan, hukum mempelajari, pembahagian *al-lahn*, pembahagian hukum, serta penerangan surah al-Fatihah dari segi ta'rif, kelebihan dan juga kepentingannya dalam ibadat khususnya solat.

Bab Tiga

Bab tiga penulis akan memperincikan tentang kemahiran dalam pembacaan surah al-Fatihah, dan penjelasan mengenai jemaah dan masjid-masjid daerah Hulu Langat, Selangor. Di dalam bahagian ini penulis akan menghuraikan secara terperinci hukum Tajwid yang terdapat pada surah al-Fatihah dan kesalahan yang biasa dilakukan dalam pembacaan surah al-Fatihah. Penulis juga akan membentangkan mengenai pengenalan daerah Hulu Langat, Selangor dari sudut sejarah dan pekembangan, masjid-masjid di daerah Hulu Langat, Selangor dari segi sejarah, perkembangan, hubungan dengan jabatan agama Islam negeri, kelas al-Quran yang dijalankan serta demografi jemaah masjid yang menjadi responden.

Bab Empat

Di dalam bab ini penulis membentangkan mengenai kaedah atau metodologi kajian tentang kemahiran bacaan surah al-Fatihah dalam kalangan jemaah di masjid-masjid daerah Hulu Langat. Penulis akan menyatakan kaedah mendapatkan data dari responden dan bentuk penilaian bagi menguji tahap kemahiran. Kemudian penulis akan membentangkan hasil kajian yang diperolehi serta kesimpulan ringkas mengenai hasil dapatan

Bab Lima

Bab lima ialah kesimpulan, saranan dan penutup. Penulis akan membentangkan kesimpulan dari dapatan kajian serta rumusan yang penulis perolehi. Penulis juga akan mencadangkan beberapa tindakan yang sesuai kepada pihak-pihak tertentu sebagai respon kepada dapatan kajian serta cadangan kajian-kajian lain yang boleh dilakukan.

# BAB 2

# SURAH AL-FATIHAH DAN TAJWID

## Pendahuluan

Di dalam bab ini penulis akan membahaskan berkenaan pengenalan surah Al-Fatihah, nama-nama lainnya serta kelebihannya. Penulis juga akan membahaskan secara mendalam pengertian Tajwid dan hubunganya dengan pembacaan al-Quran.

## 2.1 Surah Al-Fatihah

### 2.1.1 Pengenalan Surah Al-Fatihah

Surah al-Fatihah merupakan surah yang pertama mengikut turutan surah dalam al-Quran namun ia bukan surah yang pertama diturunkan.[13]Al-Fatihah bererti pembukaan. Ini kerana dengan surah inilah dimulai dan dibuka al-Quran. Surah yang disepakati mempunyai tujuh ayat, 25 kalimah dan 113 huruf[14] ini dibaca oleh setiap muslim 17 ke 70 kali sehari di dalam solat fardu, solat sunat, wirid dan lain-lain.

Surah ini melengkapi unsur-unsur pokok syari'at Islam, kemudian dijelaskan perinciannya oleh ayat-ayat Al Quran pada 113 surah berikutnya seperti tauhid, akidah atau keimanan kepada Allah, janji-janji Allah untuk kehidupan di dunia dan akhirat, aspek-aspek ibadah kepada Allah, petunjuk jalan yang lurus dan sejarah atau riwayat.

---

[13] Muhammad 'Ali al-Sabuni (1997) *Sufwah al-Tafasir*. Kaherah : Dar al- Sabuni. juzuk1 h. 18

[14] Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il bin Kathir (1997) *op. cit* jilid 1 h.12

### 2.1.2 Nama-Nama Surah al-Fatihah

Surah al-Fatihah mempunyai banyak nama lain kerana kehebatan, kebesaran dan fungsinya yang berbagai. Nama ini boleh didapati dari berbagai kitab-kitab tafsir atau kitab yang membicarakan tentang surah al- Fatihah, semuanya bersumber hadith Nabi SAW. Antara nama surah al-Fatihah:

2.1.2.1 Al-Fatihah atau Fatihah al-Kitab

Ertinya Pembuka atau Pembuka Kitab kerana dengannya dimulakan bacaan al-Quran dan dengannya juga dimulakan penulisan dalam mushaf[15]

2.1.2.2 Fatihah al-Quran

Ertinya pembuka al-Quran atau pintu masuk ke al-Quran

2.1.2.3 Umm al-Kitab

Ertinya Ibu al-Kitab atau Induk al-Kitab kerana surah ini mengandungi semua persoalan yang terdapat dalam al-Quran iaitu akidah atau keimanan kepada Allah, janji-janji Allah untuk kehidupan di dunia dan akhirat, aspek-aspek ibadah kepada Allah, petunjuk jalan yang lurus dan sejarah atau riwayat.

2.1.2.4 Umm al-Quran

Ertinya Ibu atau Induk al-Quran kerana kandungan surah ini dianggap sebagai ringkasan atau kesimpulan dari keseluruhan isi al-Quran.

---

[15] Muḥammad b. Aḥmad al-Anṣāri al-Qurṭubi (1993.), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān, wa al-Mubayyin li mā Taḍammanahū min al-Sunnah wa Ayi al-Furqān,* jilid 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 79.

2.1.2.5 Al-Quran al-‘Azim

Ertinya Bacaan Yang Agung kerana kandungannya yang membahaskan perbahasan yang besar dan agung. Hadith Nabi SAW:

!!!!! !!! ! !!!! !! !!!!! !! ! !!!! !! !!!!! !! !!!! !

Itulah tujuh ayat yang berulang-ulang, dan itulah al-Quran al-‘Azim yang diturunkan kepadaku.[16]

2.1.2.6 Al-Sab‘ al-Mathani

Ertinya Tujuh yang berulang-ulang seperti hadith di atas kerana ayatnya yang berjumlah tujuh itu diulang-ulang, samada diulang pada ayat lain dalam al-Quran atau diulang-ulang dalam solat. Terdapat juga pendapat yang memberi maksud al- Mathani itu terbahagi kepada dua, satu bahagian untuk manusia dan satu bahagian untuk Tuhan. Selain itu ada juga yang berpendapat al-Mathani bermakna sanjungan kerana isi surah ini yang memuji dan menyanjung Allah.

2.1.2.7 Al-Wafiyah

Ertinya Mencakupi kerana kandungan isinya yang mencakupi seluruh isi al-Quran.

2.1.2.8 Al-Waqiyah

Ertinya Penjaga, Yahya bin Abu Kathir menamakan surah ini dengan al-Waqiyah kerana sifat surah ini yang menjaga orang-orang yang membacanya[17].

---

[16] Muhammad bin Isma’il Abu ‘Abd Allah (1994), *Opt cit*, Kitab al-Tafsir, Surah Fatihah al-Kitab, no hadis 4426.juzuk 4 .h.1738

2.1.2.9 Al-Kanz

Ertinya Perbendaharaan sepertimana yang dinamakan oleh imam al-Zamakhsyari di dalam tafsirnya[18]

2.1.2.10 Al-Kafiyah

Ertinya Mencukupi kerana isi surahnya yang mencakupi semua surah dalam al-Quran namun surah-surah lain dalam al-Quran tidak dapat mencakupi surah ini.

2.1.2.11 Al-Asas

Ertinya dasar. Diriwayatkan dari Ibn ‘Abbas bahawa asas al-Quran adalah al- Fatihah dan asas al-Fatihah adalah Bismillah[19].

2.1.2.12 Surah al-Nur

Ertinya Surah Cahaya kerana penerangan yang dibawa surah ini kepada manusia

2.1.2.13 Surah al-Hamd

Ertinya Surah Pujian kerana isi surah ini yang penuh dengan pujian kepada Allah. Surah ini juga dikenali Hamd al-Ula dan Hamd al-Quswa iaitu Surah Pujian pertama dan terakhir

2.1.2.14 Surah al-Syukr

Ertinya Surah Syukur berdasarkan isinya yang mengandungi kesyukuran kepada Allah.

---

[17] H. Bey Arifin (1976) *Samudera al-Fatihah*. Surabaya: PT Bina Ilmu h.16

[18] Abi al-Qasim Mahmud bin ‘Umar al-Zamakhsyari. (1998) *Al-Kasyaf ‘an Haqa’iq Ghawamid al-Tanzil wa ‘Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta’wil*. Jilid 1. Riyadh: Maktabah al-‘Abikan h.99

[19] Muh□ammad b. Ah□mad al-Ans□āri al-Qurt□ubi (1993.), *Opt cit*, h. 80.

2.1.2.15 Surah al-Ruqyah

Ertinya Surah Pengubat kerana surah ini dapat mengubatkan penyakit.

2.1.2.16 Surah al-Syifa‘ atau al-Syafiyah

Ertinya Surah Yang Mengandungi Kesembuhan atau surah yang menyembuhkan kerana surah ini yang boleh dijadikan penyembuh kepada penyakit

2.1.2.17 Surah al-Salah

Ertinya Surah Solat kerana surah ini dibaca pada setiap rakaat dalam sembahyang dan merupakan syarat utamanya[20]

2.1.2.18 Surah al-Dua‘

Surah Doa kerana isi surah ini yang berbentuk doa[21]

2.1.2.19 Surah al-Talab

Ertinya permintaan atau tuntutan kerana isi surah ini yang mengandungi permintaan kepada Allah[22].

Terdapat banyak lagi nama-nama lain bagi surah al-Fatihah yang diberikan oleh ulama-ulama berdasarkan sifat atau fungsi surah al-Fatihah ini, malah dalam kitab Khazinah al-Asrar karangan Muhammad Hakkiy al-Nazily surah al-Fatihah ini mempunyai 30 nama[23].

---

[20] Imad al-Din Abu al-Fida’ Isma’il bin Kathir (1997) *op.cit*
[21] H. Bey Arifin (1976) *op.cit*
[22] *Ibid* h.18
[23] *Ibid*. h.15

### 2.1.3 Masa Dan Tempat Turun Surah al-Fatihah

Terdapat perbezaan dikalangan Ulama pada perbahasan adakah surah al- Fatihah ini *Makiyyah*[24] atau *Madaniyyah*[25]? Ibn 'Abbas dan Imam Qatadah adalah di antara yang berpendapat bahawa surah ini adalah *Makiyyah* manakala Abu Hurayrah dan Mujahid pula berpendapat surah ini adalah *Madaniyyah*[26]. Ada juga pendapat yang mengatakan surah ini diturunkan setengah di Mekah dan setengah di Madinah seperti yang dinukilkan oleh al-Samarqandi pada tafsirnya[27]. Manakala pendapat lain menyatakan surah ini diturankan dua kali, sekali di Mekah semasa difardukan solat dan sekali di Madinah semasa pertukaran kiblat dari bayt al-Maqdis Palestin ke Mekah[28].

Pendapat pertama iaitu surah al-Fatihah adalah *Makiyyah* dilihat lebih tepat. Ini berdasar firman Allah di dalam surah al-Hijr :

وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَٰكَ سَبۡعٗا مِّنَ ٱلۡمَثَانِي وَٱلۡقُرۡءَانَ ٱلۡعَظِيمَ ﴿٨٧﴾

Maksudnya: Dan Sesungguhnya Kami telah memberi kepadamu (Wahai Muhammad) tujuh ayat yang diulang-ulang bacaannya dan seluruh Al-Quran yang amat besar kemuliaan dan faedahnya

Surah al-Hijr (15) : 87

Surah ini disepakati sebagai Makiyyah. Dengan ini Surah al-Fatihah lebih tepatnya turun di Mekah kerana yang dimasudkan "tujuh

[24] Surah yang diturunkan di Mekah sebelum Hijrah
[25] Surah yang diturunkan di Madinah selepas Hijrah
[26] Muh□ammad b. Ah□mad al-Ans□āri al-Qurt□ubi (1993.), *Opt cit*, h. 82.
[27] Ibid
[28] Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi al-Baghdadi. (t.t) *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an Al-'Azim wa Sab' al-Mathani*. Juz 1 Beirut: Dar al-Hayah al-Turath al-'Arabi h.33

ayat yang diulang-ulang" dalam ayat di atas adalah merujuk kepada surah al-Fatihah.

Sebab yang lain adalah solat disyariatkan di Mekah sebelum hijrah dan hadith Nabi:

! !!! !!!!! !!!!!!!!! !! !!!! ! !!

> Maksudnya: tidak ada solat bagi mereka yang tidak membaca Fatihah al-Kitab.[29]

Berdasarkan hadith ini dapat disimpulkan surah al-Fatihah merupakan surah *Makiyyah* kerana jika surah ini diturunkan di Madinah seolah-olah menggambarkan bahawa Rasulullah SAW mendirikan solat selama berbelas tahun di Mekah tanpa membaca surah al-Fatihah

### 2.1.4 Kelebihan Surah al-Fatihah

Terdapat perbezaan dikalangan ulama pada perbahasan mengenai kelebihan sesuatu surah atau ayat al-Quran berbanding yang lain dengan persoalan bolehkah sesuatu ayat atau surah dianggap lebih tinggi, lebih besar atau lebih penting dari ayat atau surah lain?. Imam Abu Hassan al-'Asy'ari, Qadi Abu Bakar al-Tayyib adalah antara ulama yang melarang melebih-lebihkan sesuatu ayat atau surah berbanding yang lain. Alasannya adalah jika menganggap suatu surah atau ayat itu lebih penting maka secara tidak langsungnya ada ayat atau surah yang dianggap tidak penting atau besar. Maka adalah mustahil mana-mana kalam Allah itu tidak penting.[30]

---

[29] Muhammad bin Isma'il Abu 'Abd Allah (1987), *Opt cit.* Kitab Sifah al-Salah. No Hadith 723. Bab Wujub al-Qira'ah lil Imam wa al-Ma'mum fi al-Salawat kulliha fi al-Hadar wa al-Safar. h 263.

[30] Muh□ammad b. Ah□mad al-Ans□āri al-Qurt□ubi (1993.), *Opt.cit.*

Namun ada juga yang membenarkan kerana banyak sekali hadith-hadith Nabi SAW yang menjelaskan keistimewaan beberapa surah dari al-Quran. Contohnya Hadith Nabi SAW tentang surah al-Ikhlas:

! !! ! !!!! ! ! ! !! ! ! ! ! ! ! !!!!! ! !! : ! !! !!!! ! ! ! ! !!!! ! ! ! !

!! ! !! ! ! ! ! ! !! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! !!! ! !!!!! ! !! ! ! !!! !!!! ! !!!

Maksudnya : Dari Abi Hazim, dari Abi Hurayrah katanya: Telah keluar Rasulullah SAW kepada kami dan berkata " aku bacakan kepada kamu satu pertiga dari al-Quran" maka baginda membaca: "! ! ! !! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! ! !" sehingga habis surahnya.[31]

Syeikh 'Izz al-Din bin Abd al-Salam berkata "Kalam Allah tentang Allah lebih baik dari kalam Allah tentang yang lain. Ayat "! ! ! ! ! ! ! ! !" lebih baik dari "! !! ! ! ! ! ! !!!! ! ! ! !!" sebab ayat pertama membicarakan keesaan Allah dan ayat kedua tentang kecelakaan Abu Lahab.

Maka boleh kita simpulkan bahawa kelebihan sesuatu ayat al-Quran atau surah bukanlah bererti menidakkan atau merendahkan ayat atau surah yang lain bahkan kelebihan itu berdasarkan pengertian dan fungsi ayat-ayat atau surah tersebut dan bukan kesucian atau keagungan.[32] Al-Quran itu suci dan agung keseluruhannya tanpa ada kekurangan sedikit pun di mana-mana bahagian atau juzuk.

Dalam membicarakan kelebihan surah al-Fatihah memang terdapat banyak kelebihannya berdasarkan hadith Nabi SAW, kata-kata para sahabat, al-Salaf al-Salih dan ulama. Antaranya:

---

[31] Muslim bin al-Hajaj Abu Husin al-Qashiri al Naysaburi. (t.t), *Opt cit,* Kitab Salah al-Musafirin wa Qasriha no hadith 812, Bab Fadl Qara'a Qul Hua Allah Ahad, juz 1 h.557

[32] Muh□ammad b. Ah□mad al-Ans□āri al-Qurt□ubi (1993.), *Opt.cit*

2.1.4.1 Surah yang paling besar

Hadith dari Abu Sa‘id al-Ma‘alli menceritakan :

!! !!!!! !! !!! !! ! !!!!!! !!!! !! ! !!! !! !!!!!! !! !! ! !!!!!! !! !!! !! !œ!!!! ! !!!
!!!!!!!! }!! !! !!!!! ! )!! !!!!! !! !!! !! !! !!! . (!! !!!! !!! !!!!!! )!! !!!
!! ! !! !!! ! )!! !!!! . {!! ! !!! !!!!! ! !! ! !!!!! !! ! !!!!! !! !!!!! !! !!!!!!!! !! !!
!!!!! !! !!! !! !œ!!!! !!!. ( !! ! !!!! !!! !! !!! !!! !!!! !!!!!!! !!!!! !!! ! !!
!! !! !!!! ! . {!! !!!!!!! !!! !!!! ! } )!! !!!!!!!! ! !!!! ! !!!! !!! !! !!!! !! !
!!!!! !!! ! !!!! !! !!!!! !!!!!!! !! !!!!

Maksudnya: Aku sedang solat lalu dipanggil oleh Rasulullah SAW maka aku tidak dapat menyahut. Sesudah selesai aku datangi baginda. Baginda berkata “ mengapa engkau tidak segera mendatangi ku?” aku menjawab aku sedang solat maka baginda berkata “ bukankah Allah berfirman “ Wahai orang-orang yang beriman, sahutilah seruan Allah dan Rasul bila menyeru kamu kepada yang menghidupkan kamu” kemudian baginda berkata “ Aku akan mengajar kamu sebesar-besar surah di dalam al-Quran sebelum kamu keluar dari masjid ini. Maka ketika Baginda ingin keluar dari masjid aku mengingatkannya maka baginda bersabda “{!! !!!!!!! !!! !!!! ! } ialah tujuh ayat yang berulang-ulang, dan itulah al-Quran al-‘Azim yang diturunkan kepadaku.[33]

2.1.4.2 Surah yang tiada persamaannya dengan mana-mana surah dalam kitab Taurat, Zabur, Injil dan al-Quran.

Diriwayatkan di dalam kitab Al-Muwatta‘ sabda Nabi SAW kepada Ubay bin ka‘ab:

! !! !!!!!!! ! !! !!! !! !!!! !!!! ! ! !! ! !!!! ! !! ! !!!! !! ! !
! !! ! ! !! !!! ! ! ! !!! ! ! !! ! !!! ! ! ! ! !! !!!!! ! !!!!! !! ! !!! !
! !!!! ! !! !! ! !! ! ! !!!! !!! !!!! ! !! ! !! ! !!! ! ! !! !!!! !! ! !!!!! !!
{ ! !!!!! ! ! !!!! }

Maksudnya : Aku ingin engkau jangan keluar dari masjid ini sebelum mengetahui satu surah yang tidak pernah diturunkan di dalam Taurat, tidak pula di dalam Injil dan tidak pula di dalam al-Quran. Kata Ubay aku memperlahankan langkah dan berkata “ surah apakah yang engkau janjikan tadi wahai Rasulullah? Baginda menjawab “ Apakah surah yang

[33] Muhammad bin Isma’il Abu ‘Abd Allah (1994), *Opt cit*, Kitab al-Tafsir, Surah Fatihah al-Kitab, no hadis 4426.juzuk 4 .h.1738

engkau baca pada pembukaan sembahyang?" Aku berkata " Aku membaca
{ ! !!!!! ! ! !!! ! }.[34]

2.1.4.3 Surah yang hanya diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.

Sebuah hadith Nabi SAW yang diriwayatkan dari ibn 'Abbas

!!! !! !! !! !!!!! !!! !!!! !!!!! ! !! !! ! !!!!! !! !!! !! !œ!!! ! !! !! ! !!!! !! ! !!! !!!
!! !!!!! !!!!!!! ! !!!! !!!!! !!! !!! !!!! ! !! !!!! ! !!!!!! ! !!!! ! !!! !!!!! !!! !!!
!!! ! !!!! !!! !! ! !!!! ! !!!! !!! !! !! !!!! !!!!! !!! !!! ! !!! !! !! !!! !!! ! !!! !!!!! !
!! !!!! ! !!!! !! ! !!! !!! !!!! ! !!!!!! !!!! ! !! !!!! ! !!! !!! !!!! ! !!!! !!!!œ!! ! ! !!!
!!!! ! !

Pada suatu hari Jibril duduk bersama Rasulullah SAW, tiba-tiba beliau mendengar suatu bunyi dari atas maka Jibril mendongak dan berkata "ini pintu dari langit yang belum pernah dibuka kecuali pada hari ini". Maka turun daripadanya satu malaikat maka Jibril berkata "ini malaikat tidak pernah turun ke bumi kecuali hari ini". Maka malaikat itu memberi salam dan berkata " bergembiralah engkau (wahai Muhammad) mendapat dua cahaya yang tidak pernah diberikan kepada mana-mana nabi sebelummu, iaitu Fatihah al-Kitab dan beberapa ayat akhir surah al-Baqarah. Setiap huruf yang engkau baca dari keduanya maka pasti engkau akan mendapatkannya."[35]

2.1.4.4 Langsung mendapat jawapan dari Allah.

Sesiapa yang membaca surah al-Fatihah, maka setiap ayat yang dibaca akan mendapat jawapan langsung dari Allah SWT. Ini berdasarkan hadith dari Abu Hurayrah

!! ! !! ! !! ! ! !!! ! ! ! !! ! !!! ! !! ! !!!! ! ! ! !! ! ! ! ! ! ! !! ! !
! !!!!! ! ! ! !!! ! ! !!! ! !! !!! ! !! !! ! ! !!! ! !! ! ! ! !! ! !! ! !
! !! ! !! ! !!! ! ! ! !! ! !! !!! ! ! !! ! !! !!!! ! ! !! ! ! ! ! !!! ! ! ! !!
! ! !! ! ! ! !! !!! ! !!! ) ! ! !! ! ! ! ! !! ! !!!! !! ! ! !!! ! !! !!!! ! ! !!

[34] Malik bin Anas Abu 'Abd Allah al-Asbahi. (t.t). *Al-Muwatta' al-Imam Malik*. Kitab al-Salah. Bab Ma Ja' Fi Umm Al-Quran. No Hadith 186. juz 1 Kaherah : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy. h. 83

[35] Muslim bin al-Hajaj Abu Husin al-Qashiri al Naysaburi. (t.t), *Opt cit,* Kitab Salah al-Musafirin wa Qasriha no hadith 806, Bab Fadl al-Fatihah wa Khawatim Surah al-Baqarah, juz 1 h.554

! !! !! ! ! !!!! ! ! !! ! !! ! !! !! ! ! !! ! !!! ! ! !!!! ! !!! ! !!! ! !! !!!! (

! ! !!! ! ! ! !!! ! ! ! !!! ! ! !!! ! !! !! ! !!! ! !!! !! ! !!! !! !!! ! ! ! !! !!!!

! !! !! ! ! !!!! ! ! !!! !! ! ! !! ! !!! !! ! !

Maksudnya: Sesungguhnya saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: Allah SWT berfirman: Aku bahagikan al-Salah (surah al-Fatihah) antaraKu dan hambaKu dua bahagian. HambaKu pasti dapat apa yang dia minta. Apabila hamba berkata: (! !!!! ! ! ! !!! !) Allah menjawab: HambaKu memuji syukur kepadaKu. Apabila hamba membaca (! ! !!! ! !! !!!) Allah menjawab: HambaKu memujaku. Apabila hamba membaca (! !! !! !!! ! !!!) Allah menjawab: HambaKu mengagung-agungkan Daku. Sekali Allah berkata: HambaKu menyerah kepadaKu. Apabila hamba membaca (! !!! ! ! !!!! ! !!! ! !!! ) Allah menjawab: Ini antaraKu dan hambaKU. Hambaku pasti dapat apa yang dia minta. Apabila dia membaca (! !!! !! ! ! ! !!! ! !! !!! ! ! ! !!! ! ! !!! ! !! !! ! !!! ) Allah menjawab: Ini milik hambaKu. HambaKu pasti dapat apa yang dia minta[36]

2.1.4.5 Terpelihara jiwa pembacanya dari segala bahaya

Hadith yang diriwayatkan dari Anas r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

!! !! ! ! ! ! !! ! ! ! !!! !!! ! ! !!! ! !! !! ! ! !! !!! ! !! ! ! !!! !! !! ! ! !!!

! ! !!! !!! ! ! !! ! ! !! !!! !!!! !!!! ! !

Maksudnya: Bila Engkau letakkan lambungmu di katil dan membaca al-Fatihah dan (! !! ! ! ! ! !) maka amanlah engkau dari segala sesuatu kecuali maut.[37]

2.1.4.6 Sebagai ubat.

Memang ada banyak hadith Nabi SAW yang menerangkan al-Fatihah sebagai penawar atau ubat. Jika ditinjau kepada kaedah perubatan Islam yang dijalankan oleh mana-mana pengamal atau perawat perubatan Islam maka kita dapati bahawa asas bagi semua kaedah rawatan adalah surah al-Fatihah. Sabda Nabi SAW:

---

[36] *Ibid*. Kitab Salah no hadith 395 bab Wujub Qira'ah al- Fatihah Fi Kulli Raka'ah. Juz 1 h. 296

[37] Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il bin Kathir (1997) *op. cit* jilid 1 h.16

!!! ! ! ! ! !!!! ! !!! !! !! !! !

Maksudnya: Pada Surah al-Fatihah itu penyembuh bagi segala penyakit.[38]

Satu lagi hadith yang biasa kita jumpa berkenaan kisah sahabat nabi Abu Sa‘id al-Khudri yang merawat ketua kabilah yang terkena sengatan kala dengan membacakan surah al-Fatihah.

## 2.2 Ilmu Tajwid

Ilmu Tajwid adalah ilmu yang amat mulia dan terpuji serta amat penting dan sangat berkait dengan pembacaan al-Quran.. Ini adalah kerana apabila seseorang itu ingin membaca al-Quran dengan tepat dan mengharapkan pahala atau ganjaran daripada Allah SWT maka bacaannya mestilah betul dan tiada kesalahan. Ini bermaksud seseorang itu perlu mendalami Ilmu Tajwid dan perlu mengamalkannya ketika membaca al-Quran. Sebagaimana pentingnya seseorang itu berwuduk untuk sah sembahyang, maka Ilmu Tajwid perlu atau wajib diketahui oleh seseorang untuk sah bacaannya terutama bacaan-bacaan yang dikira sebagai rukun di dalam sembahyang.

### 2.2.1 Ilmu Tajwid Dari Segi Bahasa

Perkataan *Tajwid* adalah kata asal dari kata terbitan !!! . Kata namanya ialah !!!! ! yang bermaksud cantik kata lawan kepada perkataan !!!!!! yang bermaksud

[38] ‘Abd Allah bin ‘Abd Rahman al-Darimi.(1407h) *op. cit.* Kitab Fada’il al-Quran. Hadith no 3372. Bab Fada’il Fatihah al-Kitab. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabiy. juz 2 h. 538

perkara yang tidak elok. Manakala dari segi bahasa *Tajwid* bermaksud ! ! ! !!! yang bermaksud mengelokkan atau mencantikkan.. Dalam erti kata lain seperti kita berkata !! ! !! ! ! !!! !!! yang bermaksud telah mencantikkan seorang lelaki itu akan sesuatu[39].

### 2.2.2 Ilmu Tajwid Dari Segi Istilah

Dari segi istilah, Tajwid bermaksud:

!!! !! !! !!!! !!!! ! !! !!! !! !! !!! !! !! ! !! !!! !

> Bermaksud : Suatu ilmu untuk mengetahui cara bagaimana melafazkan atau mengeluarkan sesuatu huruf dari tempat keluar huruf-huruf itu dan menjelaskan hak-hak sesuatu huruf itu samada hak-hak huruf itu yang asli atau mendatang secara tepat[40].

Yang dimaksudkan dengan menjelaskan hak-hak sesuatu huruf itu ialah menjelaskan semua sifat-sifat huruf itu yang bersifat asli dan juga mendatang. Sifat-sifat huruf yang asli adalah seperti nyaring, kuat, lembut, meninggi, merendah, menggetar dan lain-lain. Manakala sifat-sifat huruf yang mendatang pula adalah disebabkan oleh sesuatu sebab tertentu seperti kedudukan sesutu huruf itu di dalam sesuatu ayat seperti huruf *ra'* yang berbaris di atas dan di depan adalah menjadi huruf *ra'* yang bersifat tebal bagitulah sebaliknya apabila ia berbaris di bawah ia bersifat nipis. Selain dari itu seperti *izhar*, *idgham*, *ikhfa'*, *mad* dan *qasr*[41].

---

[39] Mahmud Khalil al-Husari (2001), *Ahkam Qira'at al-Quran al-Karim*, Beirut, Dar al-Basyair al-Islamiyyah, h.20.

[40] Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusof al-Jazari (1998), *al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr*, Beirut, Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah, jil 1, h.168 dan Mahmud Khalil al-Husari (2001), *op.cit*, h.17.

[41] Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusof al-Jazari (1998), *op.cit,* h.168.

Sesetengah ulama mentakrifkan Tajwid ialah menunaikan hak sesuatu huruf dan apa yang sepatutnya bagi sesuatu huruf itu, iaitu seperti menunaikan apa yang sepatutnya bagi *Makhraj* sesuatu huruf, sifat-sifatnya, dengungnya, panjangnya, tebalnya atau nipisnya sebutan sesuatu huruf dan sebagainya[42].

Ada juga setengah ulama yang lain mendefinisikan Tajwid sebagai ilmu yang menerangkan hukum-hukum serta kaedah-kaedah yang mesti diamalkan semasa membaca al-Quran dengan menepati apa yang diterima daripada Rasul SAW[43].

Ilmu Tajwid secara istilahnya dibahagikan kepada dua bahagian yang utama iaitu :

a) Ilmu Tajwid Ilmi.

Iaitu mengetahui semua kaedah yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama dan pengarang-pengarang serta penyusun-penyusun di dalam bidang Ilmu Tajwid dan Ilmu Qiraat. seperti kaedah yang berkaitan dengan *makhraj* huruf dan segala sifat huruf, penjelasan tentang *mithlayn*, *mutaqaribayn* dan *mutajanisayn*, hukum *nun* mati dan *tanwin*, hukum *mim* mati, pembahagian serta hukum *mad*, hukum *waqf* dan *ibtida'*, hukum *maqtu'ah* dan *mawsulah*, hukum *ta' marbutah* dan *maftuhah* dan lain-lain bab yang dihuraikan oleh ulama[44]. Selain dari itu Ilmu Tajwid ialah mengeluarkan semua huruf dari tempat keluarnya beserta dengan hak-hak huruf itu. Hak-hak huruf itu ialah samada dari segi sifat huruf yang wajib ada dan sifat huruf yang mendatang[45].

b) Ilmu Tajwid Amali

Ilmu Tajwid Amali iaitu suatu kaedah menyebut kalimah dan huruf-huruf al-Quran dengan baik, mengikut *makhraj* huruf dan sifat huruf dengan

---

[42] *Ibid.*
[43] *Ibid.*
[44] Mahmud Khalil al-Husari (2001), *op.cit*, h.17.
[45] 'Abd Allah al-Jawhari al-Syed, (1995), *al-'Idah Fi Tajwid Kalam al-Bari*, Kaherah, Maktabah al-Qaherah, h.5.

tepat, sehingga sampai hak huruf-huruf al-Quran[46]. Semua kaedah-kaedah di atas tidak akan tercapai melainkan dengan kita melakukan atau melatih diri kita dengan perkara-perkara berikut :

i) Mengeluarkan setiap huruf daripada tempat keluarnya dengan tepat. Yang dimaksudkan dengan mengeluarkan huruf dari tempat keluar yang tepat ialah memberikan hak-hak huruf itu dari bahagian sifat-sifatnya yang wajib yang terdapat padanya seperti sifat sembunyi, nyaring, kuat, lembut, meninggi,. Dan juga sifat-sifat yang mendatang seperti tebal yang meninggi, nipis yang merendah, huruf *izhar*, huruf *idgham*, huruf *iqlab*, huruf *ikhfa'* dan lain-lain[47].

ii) Memendekkan perkara-perkara yang wajib dipendekkan, memanjangkan perkara-perkara yang wajib dipanjangkan, membaca secara *izhar* pada huruf-huruf yang wajib *izhar*, membaca secara *idgham* pada huruf-huruf yang wajib *idgham* dan membaca secara *ikhfa'* pada huruf-huruf yang wajib *ikhfa'*.

iii) Mengambil atau *talaqqi* al-Quran daripada seorang guru. Dengan kaedah ini seseorang akan dapat melatih lidahnya dengan menyebut huruf-huruf al-Quran dengan lebih berhati-hati dan teliti disamping diperhatikan oleh gurunya. Guru pula akan memastikan sehingga murid menyebut sesuatu huruf itu keluar dengan tepat dari *makhraj*nya yang tepat yang asal. ini adalah bagi memastikan seseorang pembaca al-Quran mampu menjelaskan sebutan huruf-huruf yang tidak jelas selama ini dan ia sampai kepada hakikat sesuatu huruf. Kaedahnya ialah dengan

---

[46] Mahmud Khalil al-Husari (2001), *op.cit*, h.18.
[47] *Ibid*.

cara melakukan latihan secara bersungguh-sungguh, kerap kali membaca al-Quran serta melengkapkan diri dengan ilmu yang berkaitan dengan al-Quran, mengetahui tempat keluar huruf-huruf al-Quran, memberikan hak sesuatu huruf seperti memanjangkan apabila ia perlu dipanjangkan, membaca huruf *hamzah* apabila terdapat *hamzah* padanya, membaca secara *idgham* apabila ia perlu dibaca secara *idgham*, membaca secara *izhar* apabila ia perlu dibaca secara *izhar*, membaca secara *ikhfa'* apabila ia perlu dibaca secara *ikhfa'*, membaca ia apabila ia berbaris dan mematikan apabila ia berbaris mati ”[48].

### 2.2.3 Hukum Berkaitan Ilmu Tajwid

Mempelajari Ilmu Tajwid secara teori atau ilmi adalah Fardu Kifayah, dengan erti kata mestilah ada di dalam sesuatu masyarakat itu seorang atau beberapa orang yang mengetahui Ilmu Tajwid secara ilmi dan boleh menjadi rujukan kepada Ilmu Tajwid ini. Jika tiada seorang pun di dalam sesuatu kelompok masyarakat mahir di dalam Ilmu Tajwid secara ilmi dan menjalankan kewajipan mengajarkannya kepada penduduk, maka kesemua masyarakat tersebut adalah berdosa[49]. Walaubagaimanapun sah bacaan seseorang itu bukannya bergantung kepada kemahiran atau sejauhmana seseorang itu mengetahui semua hukum-hukum berkaitan dengan Tajwid, oleh itu hukum mempelajari ilmu ini jika dinisbahkan kepada orang awam adalah sunat sahaja dan bukannya wajib. ini adalah sama dengan semua ilmu-ilmu yang berkaitan dengan ibadat lain juga seperti Fekah, yang tak perlu kita tahu dan ingat secara terperinci tentang

---

48 Mahdi Muhammad Al-Harazi (2001), *Bughyah al-Murid min Ahkam al-Tajwid*, Beirut, Dar Basyair 'Islamiyyah, h.61.

49 'Abd Allah al-Jawhari al-Syed, (1995), *op.cit*, h.6. lihat juga 'Atiyah Qabil Nasr. (1992), *Ghayah al-Murid Fi al-'Ilm al-Tajwid*, c.7 . Kaherah: Dar al-Taqwa li al-Nasyr Wa al-Tawzi' h.12

rukunnya, syarat sahnya dan sebagainya[50]. Manakala hukumnya apabila disandarkan kepada ahli ilmu pula ialah wajib Fardu Kifayah. Dalam erti kata lain ia membawa maksud adalah berdosa sekiranya dalam satu kawasan tidak ada orang yang pandai untuk mengajar Ilmu Tajwid kepada orang yang ingin mempelajarinya dan mendalaminya[51].

Manakala hukum Ilmu Tajwid secara amali adalah wajib. Hukum wajib ini berlaku apabila seseorang itu ingin membaca al-Quran samada ingin membaca sedikit ataupun banyak, samada orang yang ingin membaca itu lelaki ataupun perempuan asalkan ia dianggap sebagai orang *mukallaf* menurut Islam[52]. Hukum ini adalah sabit berdasarkan ayat al-Quran, Hadith nabi SAW dan persepakatan ulama.

Allah SWT berfirman :

وَرَتَّلْنَٰهُ تَرْتِيلًا ﴿٣٢﴾

Bermaksud : Dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu ( iaitu dengan bacaan yang sempurna dan lengkap menurut hukum Tajwid ).

Surah al-Furqan (25) : 32

Yang dimaksudkan dengan *tartil* di dalam ayat di atas adalah mencantikkan sebutan sesuatu huruf, menyebut kalimah atau lafaz al-Quran dengan baik. Saidina 'Ali bin Abi Talib r.a ketika ditanya mengenai maksud *tartil* di dalam ayat di atas, beliau menjelaskan dengan katanya, *tartil* adalah bermaksud mencantikkan sebutan sesuatu huruf dan mengetahui hukum *waqf* al-Quran[53]. Manakala sesetengah Ulama Tafsir menjelaskan yang dimaksudkan dengan *tartil* itu ialah membaca al-Quran dengan bacaan yang baik, tenang, memahami maksud dan menjaga lidah ketika menyebut huruf-huruf dengan berhati-hati. Dengan kata lain: memendekkan bacaan yang wajib dipendekkan, memanjangkan bacaan yang wajib dipanjangkan, menebalkan huruf yang

---

[50] Mahmud Khalil al-Husari (2001), *op.cit*, h.17.
[51] *Ibid.*
[52] *Ibid*, h.28 dan Muhammad Makki Nasr al-Juraysi (t.t), *Nihayah al-Qawl al-Mufid fi 'Ilm al-Tajwid*, Kaherah, Maktabah al-Tawfiqiyyah, h.29.
[53] Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusof al-Jazari (1998), *op.cit*, jil 1, h.164.

wajib ditebalkan, menipiskan huruf yang wajib dinipiskan, membaca secara *idgham* pada huruf-huruf yang wajib dibaca secara *idgham* dan membaca secara *ikhfa'* pada huruf-huruf yang wajib dibaca secara *ikhfa'* dan juga mengikuti semua hukum-hukum yang berkaitan dengan al-Quran[54]. Kalimah [illegible] pada Firman Allah SWT di atas adalah di dalam bentuk suruhan dan ia memberi isyarat kepada hukum wajib. Jadi dari segi hukum asalnya adalah wajib melainkan sekiranya ada dalil-dalil yang boleh mengubah ia kepada sunat, harus, galakan dan tegahan. Jika sekiranya tidak ada dalil-dalil yang boleh membawa kepada hukum yang lain maka hukum itu akan dikekalkan berdasarkan kepada hukum asalnya iaitu wajib[55].

Imam Ibn al-Jazari ada menjelaskan tentang hukum membaca al-Quran di dalam *Muqaddimah* beliau dengan katanya seperti berikut[56] :

[illegible]

[illegible]

> Bermaksud : Al-Quran wajib dibaca dengan bertajwid, berdosalah pembaca yang tidak membaca dengan bertajwid, kerana al-Quran diturunkan oleh Allah SWT dengan cara itu dan begitulah kepada kita ia disampaikan.

Satu perkara yang telah disepakati oleh para ulama ialah mengamal dan mempraktikkan Ilmu Tajwid di dalam pembacaan al-Quran adalah wajib atau Fardu Ain ke atas setiap muslim samada lelaki atau perempuan[57]. Dalam erti kata lain seperti apabila seseorang itu mahu membaca al-Quran walaupun sedikit, ia mestilah

---

54 Mahmud Khalil al-Husari (2001), *op.cit*, h.28.
55 *Ibid.*
56 Syeikh al-Islam Zakariyya Muhammad al-Ansari ( 2003), *Syarh al-Jazariyyah al-Musamma al-Daqaiq al-Muhkamah fi Syarh al-Muqaddimah*, Dar Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut Lubnan, h.32.
57 Mahmud Khalil al-Husari (2001), *op.cit*, h.31.

membacanya dengan bertajwid tidak kira samada ia mempelajarinya ataupun tidak. Kewajipan ini adalah pada mempraktikkan segala hukum Tajwid di dalam bacaan, bukan pada mengetahui teori atau istilah-istilah sesuatu hukum tersebut kerana menguasai Ilmu Tajwid secara teori adalah suatu yang Fardu Kifayah sahaja.

Namun harus ditekankan bahawa kemahiran dalam pembacaan al-Quran tidak mungkin dapat diperolehi dan diketahui kecuali dengan mempelajari ilmu Tajwid secara teori dan praktikal serta berguru, Adalah mustahil seseorang mendakwa bahawa ia pandai membaca al-Quran sedangkan ia tidak pernah berguru dengan sesiapapun. Maka untuk mencapai kaedah bacaan yang baik seseorang itu mestilah mempelajari al-Quran dengan kaedah *Talaqqi*[58], *Musyafahah*[59] dan *Sima'*[60].. Ini adalah kerana di dalam membaca al-Quran kita tidak boleh lari daripada berjumpa dengan hukum-hukum *Rawm*[61], *Isymam*[62], *Ikhfa'*, *Idgham*, *Tashil*[63], *Imalah*[64], *Tafkhim*[65], *Tarqiq*[66] dan lain-lain lagi. Semua kaedah-kaedah atau hukum-hukum Tajwid tidak akan dapat difahami hanya melalui pembacaan buku-buku Tajwid secara teori, malahan ia perlu dipraktikkan di hadapan guru dengan mendengarnya terlebih dahulu[67].

Sesetengah ulama menjelaskan kaedah untuk mengambil bacaan daripada guru ada dua cara, yang pertama adalah dengan cara murid mendengar bacaan dari guru, iaitu

---

[58] *Talaqqi* bermaksud mengambil bacaan daripada guru dengan kaedah memperdengarkan bacaan kepada guru, lihat Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafyan (2001), *Asyhar al-Mustalahat fi Fan al-Ada' wa 'Ilm al-Qira'at*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.24.

[59] *Musyafahah* bermaksud mengambil bacaan dengan kaedah guru membaca dan anak murid mendengar seterusnya anak murid membaca sama dengan bacaan gurunya, lihat Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafyan (2001), *ibid.*

[60] *Sima'* bermaksud mendengar bacaan daripada guru, lihat Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafyan (2001), *ibid.*

[61] *Rawm* bermaksud melafazkan sepertiga harakat dengan suara perlahan ketika *waqf*, lihat Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafyan (2001), *ibid*, h.177.

[62] *Isymam* bermaksud memuncungkan dua bibir ke hadapan sejurus selepas mematikan huruf sebagai isyarat baris di depan serta dibiarkan sedikit lubang di antara dua bibir tersebut kerana mengeluarkan nafas tanpa suara, lihat Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafyan (2001), *ibid.*

[63] *Tashil* bermaksud membunyikan huruf antara bunyi huruf *hamzah* dan huruf *alif*, lihat Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafyan (2001), *ibid*, h.174 dan 176.

[64] *Imalah* bermaksud menyebut baris *fathah* cenderung kepada baris *kasrah* dan huruf *alif* cenderung kepada huruf *ya'*, lihat Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafyan (2001), *ibid*, h.173.

[65] *Tafkhim* bermaksud menebalkan sebutan huruf, lihat Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafyan (2001), *ibid*, h.211.

[66] *Tarqiq* bermaksud menipiskan sebutan huruf *ra'* apabila ia berbaris di bawah dan jika huruf yang mematikannya juga berbaris di bawah, lihat Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafyan (2001), *ibid.*

[67] Mahmud Khalil al-Husari (2001), *op.cit*, h.32.

guru membaca di hadapan murid dan murid mendengarnya. Ini adalah kaedah yang diguna pakai oleh orang-orang terdahulu. Manakala kaedah kedua ialah, murid membaca di hadapan guru dan guru mendengar. Ini adalah kaedah orang-orang zaman sekarang. Manakala mencantumkan kedua-dua kaedah ini adalah kaedah yang paling baik. Ini adalah kerana kaedah Nabi SAW diajarkan oleh Malaikat Jibril a.s adalah dengan menggunakan kedua-dua kaedah ini[68].

### 2.2.4 Sejarah Perkembangan Ilmu Tajwid

Sejarah bermulanya Ilmu Tajwid ini adalah sejak bermulanya penurunan al-Quran dan ketika mana Jibril a.s membacakan al-Quran itu kepada Rasul SAW. Ramai di kalangan ulama Tafsir menjelaskan bahawa Jibril a.s mengajar Rasul SAW bagaimana membaca al-Quran dengan tepat iaitu dengan kaedah bacaan bertajwid yang tepat. Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT :

أَوۡ زِدۡ عَلَيۡهِ وَرَتِّلِ ٱلۡقُرۡءَانَ تَرۡتِيلًا ﴿٤﴾

> Maksudnya : Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya, dan bacalah al-Quran dangan *tartil* (iaitu dengan bacaan yang terang, jelas dan betul menurut tajwid).
>
> Surah al-Muzzammil (72) : 4

Di dalam ayat ini Allah SWT menyuruh Rasulullah SAW supaya membaca al-Quran dengan cara *tartil,* iaitu dengan bacaan yang betul, terang , jelas dan menurut hukum Tajwid. Anas bin Malik ketika ditanya tentang bacaan Rasulullah SAW, beliau menjawab bahawa Rasulullah SAW jika membaca al-Quran baginda akan membaca dengan *tartil* iaitu memanjangkan hukum *mad* pada kalimah " *bismillah, al-Rahman*

---

[68] *Ibid*.

*dan al-Rahim*”[69]. Ummu Salamah r.a ketika ditanya tentang bacaan Rasulullah SAW, beliau menjawab bahawa Rasulullah SAW jika membaca tiap-tiap ayat baginda berhenti, dan baginda juga menggalakkan supaya memerdukan suara ketika membaca al-Quran[70]. ‘Abd Allah bin Mas’ud r.a berkata “Janganlah membaca al-Quran seperti menabur pasir, dan janganlah kamu membaca al-Quran seperti kamu membaca syair, perhatikanlah isinya, bangkitkanlah perasaan, hati dan fikiran orang yang memperdengarkan bacaanmu itu, dan janganlah terburu berhenti pada akhir surah ”[71].

Di peringkat awal Rasulullah SAW diajarkan al-Quran oleh Jibril a.s daripada mula bagaimana membaca, menghafal, menyimpan dan seterusnya baginda mengajarkan kepada para sahabat r.anhum dengan menggunakan kaedah yang sama iaitu kaedah *Talaqqi* dan *Musyafahah* dimana pengajaran al-Quran diajar secara praktikal dengan meraikan segala hukum Tajwid yang ada pada sesuatu ayat. Proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran melalui kaedah *Talaqqi* dan *Musyafahah* ini diteruskan oleh para sahabat kepada sahabat dan tabiin lain. Maka jelaslah di sini bahawa kaedah bacaan al-Quran adalah suatu kaedah yang *Tauqifi* iaitu suatu kaedah yang terus diambil melalui riwayat yang bersumberkan terus dari asal sebutannya dan bacaannya dari Rasulullah SAW sendiri[72].

Dalil yang menjelaskan perkara di atas adalah bersabda Rasulullah SAW:

! !! !! !!! !! !!!!!!! !! !! ! !!!! !! !!! !!! !!! !! !! !!!!!! !!! !!! !! !!!!! !! ! !

Maksudnya : Ambillah al-Quran itu daripada empat orang iaitu ‘Abd Allah bin Mas’ud, Salim, Mu’adh dan Ubayy bin Ka’ab[73].

---

[69]Imad al-Din Abu al-Fida’ Isma’il bin Kathir (1997), *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, Beirut, Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, jil.4, h.370.
[70] *Ibid*.
[71] *Ibid*.
[72] Mahdi Muhammad Al-Harazi (2001), *op.cit*, h.59 dan ‘Abd al-Fatah al-Sayyid ‘Ajimi al-Murassafi (2001), *op.cit*, h.48.
[73] Muhammad bin Isma’il Abu ‘Abd Allah (1987), *Sahih al-Bukhari*, Kitab Fadail al-Qur’an, Bab al-Qurra’ Min Ashab al-Nabi SAW, no hadis 4713. Beirut: Dar Ibn Kathir. Juz 4 h. 1912

Hadith di atas menjelaskan arahan Rasulullah SAW agar al-Quran dipelajari dari empat orang sahabat ini yang merupakan orang yang paling hebat atau kukuh ingatan mereka, baik bacaannya dan mereka merupakan anak murid kepada Rasulullah SAW yang sentiasa membaca dengan cara *Talaqqi* dan *Musyafahah* dengan Rasulullah SAW dan membentangkan bacaan mereka kepada Rasulullah SAW. Ini juga berdasarkan kepada pengakuan 'Abd Allah bin Mas'ud sendiri dengan katanya :

[illegible]

[illegible]

> Maksudnya : Demi Allah, sesungguhnya aku telah mengambil ayat-ayat al-Quran itu dari mulut Rasul SAW berjumlah lebih daripada tujuh puluh surah, dan demi Allah, para sahabat mengetahui bahawa aku paling banyak mengetahui tentang kitab Allah, akan tetapi aku bukanlah paling baik di kalangan mereka[74].

Selain dari itu Rasulullah SAW juga ada menjelaskan tentang kehebatan Ubayy bin Ka'ab di dalam mempelajari ayat-ayat al-Quran dengan sabdanya :

[illegible]

> Maksudnya : Sesungguhnya Allah SWT telah menyuruh aku membaca kepada kamu ayat " *lam yakun alladhina kafaru* " , maka bertanya Ubayy, adakah Allah SWT menyebut namaku?, maka Rasulyullah SAW menjawab " ya ", maka dia pun menangis[75].

Kemudian para tabiin mengajarkan kepada para tabi' tabiin serterusnya sehinggalah kepada kita hari ini yang belajar membaca al-Quran dari guru-guru yang

---

[74] *Ibid*, no hadis 4616.
[75] *Ibid,* Kitab Tafsir al-Qur'an, Bab Kalla La'in Lam Yantahi Lanasfa'an, no hadis 4577.

mempunyai sanad selain menggunakan kitab bantuan mengaji seperti Muqaddam atau Iqra'. Walaupun al-Quran itu disusun dalam bentuk tulisan pada zaman Saidina 'Uthman r.a namun beliau tidak mengabaikan sunnah penyampaian al-Quran itu sendiri yang mestilah mewarisi terus dari mulut ke mulut. Buktinya dalam menjaga kesahihan bacaan al-Quran ini, seperti mana yang kita maklumi kitab al-Quran yang berjumlah enam atau tujuh pada permulaannya itu telah dikirimkan bersama guru-guru untuk mengajarkan bacaannya ke negeri-negeri umat Islam pada masa itu. Begitulah berkembangnya penyampaian al-Quran yang diwarisi dari generasi ke generasi sehinggalah sampai kepada kita hari ini.

### 2.2.5 Kaedah *Talaqqi*. dan *Musyafahah*

Amalan *Talaqqi* dan *Musyafahah* dalam mempelajari al-Quran untuk menguasai hukumnya adalah tabiat atau asas kepada Ilmu Tajwid. Ilmu Tajwid adalah ilmu-ilmu yang berbentuk amali atau praktikal yang hanya dapat dikuasai melalui *Talaqqi* dari guru yang pakar, dengan erti lain mengambil al-Quran dan mendengar dari mulut mereka. Terdapat beberapa perkara dalam ilmu ini yang tidak dapat dikuasai kecuali dengan mendengar dan melatih lidah menyebut sesuatu perkara dengan beberapa kali dihadapan guru seperti sebutan *Rawm*, *Isymam*, *Idgham*, *Ikhfa'*, *Mad*, *Qasr*, *Imalah*, *Tashil* dan lain-lain[76].

Sesetengah ulama menjelaskan kaedah mengambil atau *Talaqqi* al-Quran daripada syeikh mestilah melalui dua cara, iaitu[77] :

a. Seseorang murid itu mendengar bacaan gurunya, iaitu dengan guru membaca di hadapan murid dan murid mendengar bacaan itu. Ini adalah cara atau kaedah yang diamalkan oleh ulama-ulama terdahulu.

[76] Mahmud Khalil al-Husari (2001), *op.cit*, h.31.
[77] *Ibid*, h.32.

b. Seseorang murid membaca di hadapan gurunya, manakala gurunya hanya mendengar. Ini adalah kaedah yang diamalkan oleh ulama-ulama sekarang.

Ada juga ulama yang berpendapat kaedah yang paling baik adalah dengan menggabungkan di antara dua kaedah tadi iaitu dengan cara guru membaca di hadapan murid, seterusnya murid membaca di hadapan guru lalu guru menegur bacaan itu pula.

Sistem *Talaqqi* dan *Musyafahah* amat penting dilaksanakan dalam pembelajaran al-Quran. Ini adalah kerana al-Quran dipindah dengan cara pemindahan yang amat teliti sehingga diambil kira berhubung penyebutan huruf dari sudut sifatnya samada ia *Syiddah*, *Rakhawah*, *Jahr*, *Hams* dan seumpamanya. Atau dari segi tempat keluar huruf (*Makhraj),* juga cara bacaan *Imalah*, *Taqlil*, *Rawm*, *Isymam*, *Tahqiq*, *Waqf*, *Saktah*, kadar *Mad Ghunnah, Izhar*, *Idgham*, *Iqlab*, *Ikhfa'*, cara *Tafkhim*, *Tarqiq* dan lain-lain. Semua perkara tersebut tidak memadai hanya dengan sekali *Talaqqi* tetapi hendaklah sentiasa *Talaqqi* dan melatih lidah dan membetulkannya untuk menyebut dengan tepat mengikut hukum Tajwid[78].

### 2.2.6 Kesalahan Dalam Pembacaan al-Quran

Jika dirujuk kepada kitab-kitab yang membincangkan ilmu Tajwid ilmu al-Quran maka kita dapati semua ulama Tajwid bersetuju bahawa tujuan utama pembelajaran ilmu Tajwid adalah bagi mengelakkan kesalahan semasa membaca al-Quran[79]. Membaca al-Quran dengan bertajwid adalah satu perkara yang wajib kata imam ibn al-Jazari dalam kitabnya:[80]

---

[78] Mahmud Khalil al-Husari (2001), *op.cit*, h.24.
[79] Abd al-Fatah al-Sayyid 'Ajimi al-Murassafi (2001), opt.cit, h.46, lihat juga Mahmud Khalil al-Husari (2001), Mahdi Muhammad Al-Harazi (2001), 'Abd Allah al-Jawhari al-Syed, (1995),
[80] Syeikh al-Islam Zakariyya Muhammad al-Ansari ( 2003). *op.cit*

! !!! ! !!! !!! ! !!!! ! Ÿ!! !! !!!    !!!! !! !! !! !! ! !!!!!! ! ! !!

Bermaksud : Al-Quran wajib dibaca dengan bertajwid, berdosalah pembaca yang tidak membaca dengan bertajwid.

Kesalahan dalam pembacaan al-Quran terbahagi kepada dua iaitu kesalahan dari segi gaya membaca al-Quran dan kesalahan dalam pembacaan al-Quran itu sendiri

### 2.2.6.1 Kesalahan Dari Segi Gaya Membaca Al-Quran

Terdapat banyak gaya bacaan yang ditegah yang berlaku dalam bacaan masyarakat kita antaranya:

i. *Tatrib*[81] : Iaitu bacaan yang merengek-rengek suara dengan bacaan yang panjang bukan pada tempatnya.

ii. *Tamtit*[82] : Iaitu bacaan yang melebih-lebihkan harakat pada hukum *Mad*.

iii. *Tarqis*.[83] : Iaitu bacaan yang melenggokkan suara sehingga melebihkan harakat pada *Mad* dengan tujuan menyesuaikan dengan rentak lagu bacaan.

iv. *Tahzin*[84] : Iaitu bacaan dengan nada yang amat sedih yang boleh membawa kepada riya'.

v. *Tar'id*[85] : Iaitu bacaan yang menggetarkan suara seperti terlalu kesejukan atau ditimpa penyakit.

---

[81] Abu Mardiyah (2004) *Tajwid al-Quran Qiraat 'Aashim Riwayat Hafsh Toriq al-Syatibi.* Kuala Lumpur: Al-Jenderaki Enterprise. h.60

[82] *Ibid*

[83] *Ibid*

[84] *Ibid*

[85] *Ibid*

vi. *Tahrif*[86] : Iaitu berkumpul dalam satu kumpulan lalu membaca al-Quran secara serentak dan berhenti secara serentak. Antara mereka ada yang membaca sekadar beberapa ayat sahaja kemudian disambung oleh orang lain tanpa memikirkan akan keagongan al-Quran

vii. Membaca bersama alat muzik yang merupakan bidaah terkeji[87].

### 2.2.6.2 Kesalahan Dalam Membaca Al-Quran

Kesalahan atau *al-Lahn* dalam membaca al-Quran terbahagi kepada dua jenis kesalah iaitu kesalah besar (*Lahn Jali*) dan kecil (*Lahn Khafi*).

i. Kesalahan Besar: Iaitu kesalahan yang nyata dan terang. kesalahan ini terjadi dalam tiga keadaan:

a. Tertukar huruf yang boleh mengubah makna seperti menukar hurug *ha'* kepada huruf *kha'* pada kalimah !! !! !!!!! o ! !!!!! !!!! ! !

b. Tertukar huruf yang tidak mengubah makna seperti menukar huruf *Sad* kepada *Sin* pada kalimah ! !!!

c. Tertukar baris yang mengubah makna seperti menukar baris *Fathah* kepada *Dammah* pada kalimah ! !!!!

[86] *Ibid*
[87] *Ibid*

Dinamakan dengan kesalahan besar kerana kesalahan ini dapat disedari oleh kebanyakkan orang samada mereka pakar atau tidak dalam ilmu Tajwid. Hukumnya adalah haram[88]

ii. Kesalahan Kecil: Iaitu kesalahan yang tersembunyi seperti meninggalkan dengung pada hukum *Idgham. Ikhfa' atau Iqlab,* tidak sempurna pada pada harakat *Mad*. Kesalahan jenis ini tidak mengubah makna al-Quran.

Dinamakan dengan kesalahan kecil kerana kesalahan ini hanya dapat disedari oleh mereka yang mahir dalam ilmu Tajwid. Terdapat khilaf dikalangan ulama Tajwid pada hukum pada kesalahan kecil dimana ada yang berpendapat hukumnya adalah makruh yang dicela walaupun kebanyakkan ulama Tajwid berpendapat adalah haram secara mutlak melakukan kesalahan dalam pembacaan al-Quran tanpa mengira kesalahan yang dilakukan samada kecil atau besar.

Ulama Tajwid mengkategorikan hukum wajib dalam pembacaan al-Quran kepada dua iaitu Wajib *Syar'i* dan Wajib *Sina'i* [89]. Wajib *Syar'i* bermaksud sesuatu perkara yang mendapat pahala apabila dilakukan oleh orang *mukallaf* dan berdosa apabila ditinggalkan. Dalam konteks pembacaan al-Quran bermaksud seseorang itu perlu memelihara semua huruf-huruf dan kalimah-kalimah al-Quran yang telah terbina, samada huruf-huruf yang berbaris, huruf-huruf yang mati, huruf-huruf bersabdu, huruf-huruf *mad* dan lain-lain perkara yang boleh membawa kepada kesalahan besar[90]. Apabila dijaga semua perkara tersebut maka pembaca itu berhak mendapat ganjaran pahala dan kemulian,

[88] Muhammad Siddiq Qamhawi (1993) *al-Burhan fi Tajwid al-Quran*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah. h.8
[89] Muhammad Makki Nasr al-Juraysi (t.t), *op.cit*, h.29
[90] Mahmud Khalil al-Husari (2001), *op.cit*, h.37.

sebalik jika sengaja meninggalkan perkara-perkara tersebut maka ia juga berhak mendapat dosa dan kehinaan[91].

Wajib *Sina'i* pula ialah sesuatu perkara yang baik apabila dilakukan dan tidak elok apabila ditinggalkan. Contohnya membaca dengan cara *idgham* pada sesuatu huruf yang berhak dibaca dengan cara *idgham*, membaca dengan cara *ikhfa'* pada sesuatu huruf yang berhak dibaca dengan cara *ikhfa'*, menebalkan huruf-huruf yang tebal, menipiskan huruf-huruf yang nipis memanjangkan huruf-huruf yang panjang dan memendekkan huruf-yang perlu dipendekkan serta lain-lain perkara yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama Tajwid[92]. apabila seseorang pembaca memelihara semua kaedah-kaedah yang telah dijelaskan tadi maka seseorang pembaca itu boleh dianggap sebagai orang yang mulia. Begitu juga sebaliknya, apabila seseorang itu tidak dapat menjaga semua kaedah-kaedah tadi, maka ia dianggap tidak baik dan ulama-ulama atau penguasa-penguasa berhak mencela, menegur dan mengenakan denda atau hukuman terhadapnya[93].

Terdapat pula setengah ulama Tajwid yang meletakkan wajib membaca al-Quran dengan bertajwid kepada Wajib *Syar'i* sahaja. Ini bermaksud kesemua perkara diatas perlu dijaga samada yang melibatkan kesalahan besar atau kecil. Seseorang pembaca akan mendapat pahala apabila melakukannya dan mendapat dosa apabila meninggalkannya[94].

Kesimpulan yang boleh dibuat di sini ialah memelihara lafaz-lafaz al-Quran seperti memelihara sebutan barisnya samada depan, atas, bawah, mati, *syaddah* dan tiada *syaddah* adalah Wajib *Syar'i* iaitu mendapat pahala apabila dilakukan dan

---

[91] *Ibid*
[92] Muhammad Makki Nasr al-Juraysi (t.t), *op.cit*, h.28.
[93] Mahmud Khalil al-Husari (2001), *op.cit*, h.38.
[94] Muhammad Makki Nasr al-Juraysi (t.t), *op.cit*.

mendapat dosa apabila ditinggalkannya. Sekiranya meninggalkan semua kaedah-kaedah di atas tadi ia membawa kepada dosa dan akan diberi balasan. Ini merupakan ijmak ulama *Khalaf* maupun *Salaf* dan tidak pernah ada perselisihan pendapat tentang hukum ini[95].

Manakala memelihara kaedah-kaedah *usul* seperti membaca dengan cara *izhar* pada huruf-huruf yang perlu dibaca dengan *izhar*, membaca dengan cara *idgham* pada huruf-huruf yang perlu dibaca dengan *idgham*, membaca dengan cara *ikhfa*' pada huruf-huruf yang perlu dibaca dengan cara *ikhfa'*, memendekkan perkara yang perlu dipendekkan, memanjangkan perkara-perkara yang perlu dipanjangkan, menebalkan huruf-huruf yang tebal, menipiskan huruf-huruf yang nipis terdapat *khilaf* antara ulama-ulama samada Wajib *Sina'i* atau Wajib *Syar'i*[96].

Walaupun terdapat khilaf dikalangan ulama Tajwid pada hukum kesalahan kecil samada membawa kepada dosa atau hanya kehinaan, namun sebagai umat Islam yang sentiasa mencari keredhaan Allah maka kita hendaklah sentiasa berusaha memastikan bacaan kita adalah tepat sebagaimana diturunkan kepada nabi Muhammad SAW. Caranya adalah berusaha untuk meningkatkan mutu bacaan al-Quran dengan belajar sedaya upaya dan menjauhi kesalahan-kesalahan dalam pembacaan al-Quran samada kesalahan besar ataupun kecil.

---

[95] Mahmud Khalil al-Husari (2001), *op.cit*, h.41.
[96] *Ibid*, h.42.

# BAB 3

# SURAH AL-FATIHAH DAN MASJID-MASJID DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR

## 3.1 Pendahuluan

Di dalam bab tiga ini penulis akan menyentuh secara mendalam terhadap skop kajian iaitu surah al-Fatihah dan jemaah masjid daerah Hulu Langat. Permulaannya penulis akan menjelaskan apakah yang dimaksudkan kemahiran dalam pembacaan al-Quran. Selepas itu akan dijelaskan tentang kedudukan surah al-Fatihah di dalam solat. Kemudian akan dijelaskan secara terperinci hukum-hukum Tajwid yang terdapat pada surah al-Fatihah dan kesalahan-kesalahan yang biasa dilakukan semasa membaca surah al-Fatihah.

Dalam memperkatakan tentang sasaran kajian iaitu jemaah masjid-masjid daerah Hulu Langat, penulis akan menumpukan perbincangan kepada daerah Hulu Langat dari segi sejarah, jumlah masjid serta pengajian Tajwid yang terdapat di masjid-masjid sekitar daerah Hulu Langat.

### 3.1.1 Kemahiran Di Dalam Bacaan Al-Quran

Mengikut Kamus Dewan kemahiran bermaksud kecekapan atau kepandaian,[97] Manakala membaca pula bermaksud memerhatikan isi sesuatu yg tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahamkan makna kandungannya, atau

[97] Teuku Iskandar Dr. (2004). *Op. cit.*

mengucapkan apa yang tertulis atau tercetak.[98] Dalam konteks pembacaan al-Quran pula, penulis menyifatkan kemahiran membaca al-Quran adalah kecekapan dalam menuturkan setiap kalimah dalam al-Quran dengan betul, tepat dari segi sifat dan *makhraj* setiap huruf yang disebut serta meraikan setiap hukum-hukum Tajwid yang terdapat pada kalimah al-Quran. Sabda nabi SAW yang diriwayatkan oleh saidatina 'Aisyah:

!!! !! !!!! !! !!!! !! ! ! ! !!!!!! !! !!!

Maksudnya: Seseorang yang mahir dalam pembacaan al-Quran akan berada bersama dengan malaikat[99]

Dalam penerangannya Imam Muslim menjelaskan maksud "mahir" adalah pembacaan yang lancar, tidak tersekat dan tidak susah.[100] Ini hanya boleh terjadi sekiranya pembaca itu mempunyai kecekapan dalam penyebutan huruf-huruf al-Quran dan melalui proses pembelajaran teori dan praktikal iaitu dengan system atau kaedah *Talaqqi* dan *Musyafahah.*

Dalam mengukur kemahiran pembacaan al-Quran maka metode yang perlu digunakan adalah ujian secara amali atau praktikal. Penulis berpendapat ujian pengetahuan dalam ilmu Tajwid tidak menjamin seseorang itu mahir dalam pembacaan al-Quran. Ini adalah kerana kemahiran dalam pembacaan adalah lebih berbentuk psikomotor yang memerlukan bahan pengukuran berbentuk praktikal dan bukan kognitif.

---

98 *Ibid*
99 Muslim bin al-Hajaj Abu Husin al-Qashiri al Naysaburi. (t.t), *op.cit,* Kitab Salah al-Musafirin wa Qasriha no hadith 798, Bab Fadl al-Mahir bi al-Qur'an wa alladhi yatata'ta' fih, juz 1 Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy h.549
100 *Ibid*

### 3.1.2 Kedudukan Surah Al-Fatihah Di Dalam Solat

Terdapat perbahasan dikalangan ulama berkenaan kedudukan surah al-Fatihah di dalam solat. Antara perbahasannya adalah hukum membaca surah al-Fatihah dalam solat, cara bacaan *Basmalah* dan bacaan *Amin* selepas bacaan al-Fatihah

#### 3.1.2.1 Hukum Membaca Al-Fatihah Di Dalam Solat.

Kebanyakkan Ulama berpendapat bahawa membaca surah al-Fatihah pada setiap rakaat hukumnya adalah wajib ke atas orang yang bersembahyang sama ada imam, makmum, mahupun sembahyang sendiri menurut pendapat yang paling sahih, sama ada dalam sembahyang *sirriyah* (sembahyang yang bacaannya dibaca secara perlahan) mahupun sembahyang *jahriyyah* (sembahyang yang bacaannya dibaca secara nyaring).[101] Ini berdasarkan hadith Nabi SAW:

! !!! !!!!! !!!!!!!!! !! !!!! ! !!

Maksudnya: tidak ada solat bagi mereka yang tidak membaca Fatihah al-Kitab.[102]

Namun terdapat pendapat dari segolongan mazhab hanafi yang berpendapat bahawa yang diwajibkan adalah membaca al-Quran secara mutlak tanpa tertentu kepada surah al-Fatihah semata-mata[103]. hujah yang dikemukakan adalah firman Alah :

---

[101] 'Abd al-Qadir al-Rahbawi (2002). *Salat Empat Mazhab.* Zeid Hussin al-Hamid, M.Hasanudin (terj.) c.2 K.Lumpur: Victory Agencie. H.207

[102] Muhammad bin Isma'il Abu 'Abd Allah (1987), *Opt cit.* Kitab Sifah al-Salah. No Hadith 723. Bab Wujub al-Qira'ah lil Imam wa al-Ma'mum fi al-Salawat kulliha fi al-Hadar wa al-Safar. h 263.

[103] Abd al-Qadir al-Rahbawi (2002). *Opt cit.*

فَٱقۡرَءُواْ مَا تَيَسَّرَ مِنَ ٱلۡقُرۡءَانِ

Maksudnya: oleh itu bacalah mana-mana yang mudah kamu dapat membacanya dari Al-Quran (dalam sembahyang).

Surah al-Muzzammil (73) : 21

Juga berdasarkan hadith Nabi SAW:

! ! ! !!!!! ! !!!! ! ! !!! ! !! ! !! !! !! ! !! ! ! ! ! ! !!!

! !!!!! ! ! ! !! !! !! !Š!! !! !

Maksudnya: Jika hendaklah solat, berwuduklah kemudian mengadap kiblat maka bertakbirlah kemudian bacalah apa yang mudah bagimu dari al-Quran[104].

Surah al-Fatihah juga termasuk dalam rukun *Qawli* dalam solat iaitu rukun yang menggunakan perkataan sepertimana *Takbirah al-Ihram* dan bacaan Tahyat Akhir. Dengan itu menjadi kewajiban pada setiap muslim yang solat untuk membaca surah ini dengan betul Tajwid dan makhraj hurufnya. Sebarang kesalahan pada pembacaan pasti akan membawa kesan secara langsung kepada solat itu sendiri malah boleh membawa kepada tidak sahnya sesuatu solat itu jika berlaku kesalahan yang besar dalam pembacaan surah al-Fatihah. Di dalam kitab *al-Fiqh al-Muyassar* menyatakan bahawa tertinggal satu *Shiddah* (sabdu) di dalam surah al-Fatihah akan membawa kepada tidak sahnya sesuatu solat.[105]

[104] *Ibid.* Kitab al-Ista'dhan. No Hadith 5897 Bab Man Radd fa Qal 'Alayk al-Salam. juz.5 h.2307
[105] Ahmad 'Isa 'Asyur (2003) *Opt.cit* h.88

### 3.1.2.2 Cara Bacaan *Basmalah*

Ulama sepakat bahawa al-Fatihah mengandungi tujuh ayat. Namun terdapat perbezaan pada kedudukan ayat. Dari segi ilmu *Fawasil*[106] terdapat dua pandangan di sisi ulama *'Adad*[107]. Ulama Makkah dan Kuffah mengira *Basmalah* ( !!! o ! !!!!o !!!!! ! !)

!o !! !!! sebagai satu ayat, manakala yang lain tidak mengiranya

sebagai satu ayat dalam surah al-Fatihah tetapi mengira ( !!o !!! )

yang pertama iaitu (!!!!! ! !!!! !!!! ! !!! ) sebagai ayat

keenam.[108]

Dari segi feqah pula ulama Syafi'i mengatakan bahawa *Basmalah* adalah satu ayat dari surah al-Fatihah maka wajib membacanya manakala mazhab Hanafi dan Hanbali menghukumkan sunat dibaca perlahan. Ulama Maliki menghukumkan makruh.[109]

Bagi yang mengatakan bahawa *Basmalah* adalah salah satu ayat dari surah al-Fatihah maka mewajibkan ia dibaca kuat dalam solat *Jahr* (solat subuh, Maghrib dan Isyak) dan dibaca perlahan pada solat *Sirr* (Solat Zohor dan Asar).[110] Dan bagi pendapat yang

---

[106] Ilmu yang membicarakan tentang pengiraan ayat-ayat al-Quran

[107] Gelaran kepada ulama-ulama dalam ilmu fawasil. Terdapat enam mazhab yang mewakili benua atau penempatan Islam: Mazhab Madinah awal, Madinah Akhir, Makkah, Syam, Basrah, dan Kuffah

[108] 'Abd Fattah al-Qadi. (1996) *Basyir al-Yasir Syarh Nazimah al-Zuhr Fi 'Ilm al-Fawasil*. Kaherah: Matabi' al-Muassasah Dar al-Sya'b. h. 65-66

[109] 'Abd al-Qadir al-Rahbawi (2002) *Opt.cit* h.209-210

[110] *Ibid*

menghukum bahawa *Basmalah* bukan satu ayat dari al-Fatihah maka hanya sunat membaca dengan perlahan pada setiap waktu.[111]

### 3.1.2.3 Bacaan "*Amin*" Selepas Bacaan Surah Al-Fatihah

Tidak ada khilaf bahawa membaca "*Amin*" selepas membaca surah al- Fatihah adalah sunat kepada semua orang yang bersembahyang samaada sembahyang fardu ataupun sunat, samaada sembahyang *Jahriyah* ataupun *Sirriyah*.

Cara bacaanya boleh dibaca secara nyaring atau senyap. Jika dalam sembahyang *Sirriyah* disunatkan bagi imam dan makmum membaca "*Amin*" dengan bacaan *sirr* mengikut pembacaan dalam sembahyang *sirriyah*, dan sunat bagi makmum membaca "*Amin*" dengan *jahar* dalam sembahyang *Jahriyah* mengikut pembacaan imam tanpa ada khilaf dan disepakati oleh para sahabat. ini berdasarkan hadith:

! ! } !!! !!! ! !! ! !!!! ! ! ! !! ! ! ! !! ! ! !! :
.!!! ! !! ! !! ! " ! !! " ! !! { ! !!! !!

Maksudnya: "Adalah Nabi SAW apabila membaca: ! !!! !! ! !
Baginda membaca Amin dan meninggikan bacaan suaranya[112]

Jika sekiranya imam tidak membaca "*Amin*" semasa solat *jahar* adalah disunatkan bagi makmum membaca "*Amin*" dengan *jahar*, sama ada imam meninggalkannya dengan sengaja atau terlupa kerana tidak ada

---

[111] Ibid
[112] Sulayman bin al-Asy'ath Abu Dawud al-Sijistani. (t.t) *op.cit*. Kitab al-Salah, No hadith: 932 bab al-Ta'min Wara' al-Imam. Juz 1 Beirut: Dar al-Fikr h.309

perbezaan sama ada imam terlupa ataupun sengaja meninggalkannya. Ini berdasarkan hadith Nabi SAW:

!!!! !!! !! !!!! !!!!!!!!!!! !!! !! !!!!!!!!!!!!!!!!!!! !!! !!!!!!

!!!! ! !!!! !!!!!!!!

Maksudnya: "Apabila imam membaca *Amin* maka kamu aminkanlah bersama, sesungguhnya siapa yang serentak bacaan *Amin* nya dengan bacaan malaikat diampunkan baginya apa yang terdahulu dari dosanya[113]

## 3.2 Hukum-Hukum Tajwid Yang Terdapat Di Dalam Surah Al-Fatihah

Tujuan utama pembelajaran ilmu Tajwid adalah bagi mengelakkan kesalahan dalam pembacaan al-Quran.[114] Maka adalah sangat penting bagi setiap muslim mengetahui hukum-hukum Tajwid yang terdapat dalam al-Fatihah bagi memastikan bacaan mereka mengikut serta meraikan hukum-hukum tersebut dan mengelakkan kesalahan dalam pembacaan terutamanya di dalam solat. Hukum-hukum Tajwid yang terdapat di dalam surah al- Fatihah adalah:

### 3.2.1. (1 :!! !!!!)!! !! !!!! !! !!!!!!!!!! ! Ê

**3.2.1.1.** !!!! : Huruf *Lam* dinipiskan

**3.2.1.2.** ! ! ! !!!: *Alif Lam Syamsiyyah*. Huruf *Ra'* ditebalkan

[113] Muhammad bin Isma'il Abu 'Abd Allah (1987), *Opt cit.* Kitab Sifah al-Salah. No Hadith 747. Bab Jahr al-Imam bi al-Ta'min. h 270.

[114] Ahmad Sharbayni Sa'udi (1990), *Fajr al-Jadid Fi Ilm al-Tajwid.* Kaherah: Dar al-Manar li al-Nasyr wa al-Tawzi'. H. 21

**3.2.1.3.** ! !! ! !! : *Alif Lam Syamsiyyah*. Huruf *Ra'* ditebalkan

**3.2.1.4.** ! !! ! !! : Ketika *Waqaf*, *Mad ʿArid li al-Sukun* (2,4,6 harakat)

**3.2.2.** (2 :!! !!!!)!! ! !!! !!! !!!!!! ! ! !

**3.2.2.1.** ! ! ! ! : *Hamzah Wasal*, dibaca baris atas ketika *Ibtida'*

**3.2.2.2.** !!! : Huruf *Lam* dinipiskan

**3.2.2.3.** ! ! : Huruf *Ra'* ditebalkan

**3.2.2.4.** ! ! !!! ! : *Alif Lam Qamariyyah*

**3.2.2.5.** ! ! !!! ! : Ketika *Waqaf*, *Mad ʿArid li al-Sukun* (2,4,6 harakat)

**3.2.3.** (3 :!! !!!!)!! !! ! !!!! ! ! ! !!

**3.2.3.1.** ! ! ! ! !!: *Alif Lam Syamsiyyah*. Huruf *Ra'* ditebalkan

**3.2.3.2.** ! !! ! !! : *Alif Lam Syamsiyyah*. Huruf *Ra'* ditebalkan

**3.2.3.3.** ! !! ! !! : Ketika *Waqaf*, *Mad ʿArid li al-Sukun* (2,4,6 harakat)

**3.2.4.** (4 :!! !!!!)!! !! !!!!! !!! !!!

**3.2.4.1.** ! !!! : *Mad Asli* 2 harakat

**3.2.4.2.** ! !! !! : *Alif Lam Syamsiyyah*

**3.2.4.3.** ! !! !! : Ketika *Waqaf*, *Mad ʿArid li al-Sukun* (2,4,6 harakat)

**3.2.5.** (5 :!! !!!!) ! !!! !!! !!!! !! !!!!! !!!

**3.2.5.1.** ! !!! ! : Ketika *Waqaf*, *Mad ʿArid li al-Sukun* (2,4,6 hararat)

**3.2.6.** (6:!! !!!!)!! !!!! ! !!! !!! !!!!!! ! !

**3.2.6.1.** !!! ! ! : *Hamzah Wasal*, dibaca baris bawah ketika *Ibtida'*

**3.2.6.2.** ! !!! !! : *Alif Lam Syamsiyyah*. Huruf *Sad* dan *Ra'* ditebalkan

3.2.6.3. ! !!!! ! !f : *Alif Lam Qamariyyah*. Huruf *Qaf* ditebalkan

3.2.6.4. ! !!!! ! !f : Ketika *Waqaf*, *Mad ʻArid li al-Sukun* (2,4,6 harakat)

3.2.7. ( 7 :!! !!!!) ! !!! !!!! ! !! ! !!! !! !! !! !f! !! !! ! !!! !! ! !!!! !! !!! !!!

3.2.7.1. ! !!! : Huruf *Sad, Ra'* dan *Ta'* ditebalkan

3.2.7.2. ! !! !! : *Alif Lam Syamsiyyah*

3.2.7.3. ! ! !!! : *Izhar Khalqi*, Tidak Dengung. *Izhar Syafawi*, Tidak Dengung.

3.2.7.4. !!! !! ! !!! : *Izhar Syafawi*,. Tidak Dengung. Huruf *Ghayn* ditebalkan

3.2.7.5. !!!! : Huruf *Ra'* dinipiskan. Huruf *Ghayn* ditebalkan.

3.2.7.6. ! !! !! !f : *Alif Lam Qamariyyah*

3.2.7.7. ! ! !! ! !!! : *Izhar Syafawi*. Tidak Dengung

3.2.7.8. ! !!! !!!! ! : *Alif Lam Syamsiyyah*. Huruf *Dad* ditebalkan

3.2.7.9. ! !!! !! : *Mad Lazim Kalimi Muthaqqal* (6 harakat). Ketika *Waqaf, Mad ʿArid Li al-Sukun* (2,4,6 harakat)

## 3.3. Kesalahan Yang Biasa Dilakukan Semasa Membaca Surah Al-Fatihah

Melihat kepada pentingnya surah al-Fatihah ini pada solat maka perhatian yang lebih harus diberikan pada pembacaan surah ini agar menepati setiap *Makhraj* huruf dan hukum Tajwid yang terdapat padanya. Berdasarkan pengalaman penulis terdapat beberapa kesalahan yang dilakukan dalam pembacaan surah ini samaada secara sedar atau tidak. Kesalahan-kesalahan ini ada yang merupakan kesalahan kecil namun terdapat juga kesalahan besar yang boleh membawa kepada perubahan makna malah jika dibaca dalam solat boleh membawa kesan yang besar sehingga membatalkan solat seseorang itu. Antara yang boleh dikongsikan dalam penulisan ini adalah

### 3.3.1. (1 :!! !!!!)!! !! !!!!! !! !!!!!!!!!! ! Ê

3.3.1.1. !! Ê: Membaca *Imalah*[115] pada huruf *Ba'*.

3.3.1.2. !! Ê: Menambah sabdu pada huruf *Sin*.

[115] *Imalah* bermaksud menyebut baris *fathah* cenderung kepada baris *kasrah* dan huruf *alif* cenderung kepada huruf *ya'*, lihat Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al-Hafyan (2001), *opt.cit*, h.173.

**3.3.1.3.** Kurang tebal pada huruf kedua-dua huruf *Ra'* dan tidak sabdu

**3.3.1.4.** Menukar sebutan huruf *Ha'* (! !! !!!) kepada *Ha'* (! !o !)

**3.3.2.** (2 :!! !!!!)!! ! !!!!!! !!!!!!! ! ! !!

**3.3.2.1.** ! ! ! !! *: Qalqalah* pada huruf *Lam*.

**3.3.2.2.** ! ! ! !! : Membaca *Fathah* pada *Hamzah Wasal* dengan *Tafkhim*[116]

**3.3.3.** (3 :!! !!!!)!! !! ! !!!! ! ! !!!

**3.3.3.1.** Kurang tebal pada huruf kedua-dua huruf *Ra'* dan tidak sabdu

**3.3.3.2.** Menukar sebutan huruf *Ha'* (! !! !!!) kepada *Ha'* (! !o !)

**3.3.3.3.** ! ! ! !!! : Membaca *Fathah* pada *Hamzah Wasal* dengan *Tafkhim*

[116] *Tafkhim* bermaksud menebalkan sebutan huruf,

### 3.3.4. (4 :!! !!!!)!! !! !!!!!!!! !!!

**3.3.4.1.** ! !!! : Membaca *Fathah* pada huruf *Mim* dengan *Tafkhim*

**3.3.4.2.** Membaca huruf *Dal* tanpa sabdu

**3.3.4.3.** Membaca *Imalah* pada huruf *Mim* dan *Dal*

### 3.3.5. (5 :!! !!!!) ! !!! !!! !!!! !! !!!!! !!!

**3.3.5.1.** ! !!! : Membaca sabdu yang terlalu lama seolah-olah *Idgham* atau membaca tanpa sabdu

**3.3.5.2.** ! !!!!: Membaca makhraj huruf *'Ayn* (ع) yang tidak sempurna seolah-olah huruf *Hamzah*

**3.3.5.3.** ! !!! ! : Menukar huruf *Sin* kepada *Sad* dan huruf *Ta'* kepada *Ta'*

### 3.3.6. (6:!! !!!!)!! !!!! ! !!! !!! !!!!!! !!

**3.3.6.1.** !!! ! ! : Membaca *Imalah* pada *Hamzah Wasal*

**3.3.6.2.** Membaca *Fathah* pada huruf *Nun* dengan *Tafkhim* kerana terpengaruh dengan huruf *Sad* selepasnya

**3.3.6.3.** ! !!!! ! ! : Huruf *Lam* yang *Sukun* dibaca tebal

**3.3.6.4.** Menukar huruf *Sin* kepada *Sad* dan huruf *Ta'* kepada *Ta'* kerana terpengaruh dengan huruf *Qaf*

**3.3.6.5.** Menukar huruf *Qaf* kepada *Kaf*

**3.3.7.** ( 7 :!! !!!!) ! !!! !!!! ! !! ! !!! !! !! !! !/!! !! !! ! !!! !! ! !!!! !! !!!! !!!

**3.3.7.1.** ! !!! : Makhraj *Sad* dibaca nipis seolah-olah huruf *Sin* atau membaca huruf *Sad* dengan baris bawah yang tidak sempurna. Juga memanjangkan harakat *Mad Asli* lebih dari dua harakat.

**3.3.7.2.** ! !! !! : Huruf *Lam* dibaca tebal kerana terpengaruh dengan huruf *Ta'* sebelumnya. Menukar Makhraj huruf *Dhal* kepada *Zay.*

**3.3.7.3.** ! ! !!! : Menukar huruf *Hamzah* kepada *'Ayn* dan *'Ayn* kepada *Hamzah*

**3.3.7.4.** ! ! !!! : Membaca *Imalah* pada huruf *Ha'*. Menukar huruf *Ha'* kepada *Ha'*

**3.3.7.5.** ! !! !! !/ : Menukar huruf *Dad* kepada *Dal.* Makhraj dan Sifat huruf *Ghayn* tidak disebut dengan sempurna

**3.3.7.6.** ! !!! !!!! ! : Huruf *Lam* dibaca tebal. Tidak sabdu pada huruf *Dad* dan *Lam*

## 3.4. Masjid Daerah Hulu Langat, Selangor

### 3.4.1. Pengenalan Daerah Hulu Langat

Daerah Hulu Langat merupakan salah satu dari sembilan daerah yang terdapat di Negeri Selangor. Ia terletak di dalam kawasan Lembah Klang dan bersempadanan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Daerah Gombak, Daerah Petaling, Daerah Sepang, Negeri Pahang dan Negeri Sembilan.

Daerah Hulu Langat juga terkenal oleh ungkapan "kampung di tengah bandar besar". Ini kerana suasana tradisi dan keindahan kampung masih tetap wujud di sini meskipun dihimpit oleh pembangunan yang agak pesat dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kedudukannya yang hampir dengan Persekutuan Putrajaya. Ia merupakan daerah ke 5 terbesar di Negeri Selangor. Daerah ini mempunyai 7 buah Mukim yang diwartakan di bawah Kanun Tanah Negara iaitu Ampang, Beranang, Cheras, Hulu Langat, Hulu Semenyih, Kajang dan Semenyih[117]

---

[117] http://www.selangor.gov.my/hululangat/main.php 16/03/2009

### 3.4.2. Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat

Terdapat 45 buah masjid[118] di daerah Hulu Langat, Selangor yang mewakili 7 mukim[119]. Pola penempatan pula terdiri daripada penduduk yang mendiami bandar, pekan dan kampung.

### 3.4.3. Pengajian Kuliah Tajwid Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat

Kebanyakan masjid-masjid di daerah ini menjalankan kelas pengajian ilmu Tajwid dengan pendekatan yang berlainan seperti kelas Tajwid dalam bentuk kuliah maghrib, atau kelas khas untuk wanita dan kanak-kanak. Ada juga kelas pengajian berbentuk amali atau praktikal.

Dari kajian serta temubual penulis dengan nazir-nazir masjid di daerah ini didapati dari 45 buah masjid, 18 atau 40% dari jumlah keseluruhan masjid di daerah Hulu Langat ini tiada kelas pengajian Tajwid. Bagi Masjid yang mempunyai kelas pengajian Tajwid, 10 masjid mengadakan kelas secara kuliah maghrib, 12 masjid mengadakan kelas khas secara teori atau praktikal dan 5 masjid mengadakan 2 bentuk pengajian iaitu kuliah maghrib dan kelas khas. Hasil temubual penulis dengan nazir-nazir masjid daerah Hulu Langat dapat dilihat pada jadual berikut:

---

[118] S enarai masjid-masjid daerah Hulu Langat yang dikeluarkan Pejabat Agama Islam Daerah pada 1/10/2008

[119] http://ms.wikipedia.org/wiki/Hulu_Langat 16/03/2009

Jadual 3.1 kelas Tajwid yang diadakan di masjid-masjid daerah Hulu Langat Selangor

| Bil | Nama Masjid | Kelas Tajwid | Bentuk Kelas | Tenaga Pengajar | Sambutan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Masjid Nurul Hidayah Kampung Pandan Dalam | Tiada | | | |
| 2 | Masjid al-Ubudiah Ampang | Ada | Kelas khas | Anak tempatan | Baik |
| 3 | Masjid Jamiul Huda Kg. Melayu Ampang | Ada | Kuliah Maghrib & Praktikal untuk wanita | U.Subki& ustazah | Baik |
| 4 | Masjid al-Aman Lembah Jaya Ampang | Tiada | | | |
| 5 | Masjid Nurussaadah Kg Cheras Baru | Ada | Kuliah Maghrib | Ustaz luar | Baik |
| 6 | Masji al-Azim Pandan Indah | Ada | Kelas Maghrib& Isya’ | Ustaz luar | Kurang |
| 7 | Masjid Sultan Hishamuddin Hulu Langat | Ada | Kuliah maghrib | Imam2 | Sangat Baik |
| 8 | Masjid al-Amin Sg. Tekali | Ada | Kelas khas | Imam | Baik |
| 9 | Masjid al-Ehsan Kg Sungai Serai | Tiada | | | |
| 10 | Masjid Kariah Lubuk Kelubi | Ada | Kuliah Maghrib & wanita 3x seminggu | U.Nizam & Ustzh Saleha | Baik |
| 11 | Masjid al-Rahman Kg. Sungai Lui | Tiada | | | |
| 12 | Masjid Kariah Kg. Jawa | Tiada | | | |
| 13 | Masjid Kariah Kuala Pangson | Tiada | | | |
| 14 | Masjid Kuala Perdik | Tiada | | | |
| 15 | Masjid al-Muttaqim Dusun Tua | Ada | Kuliah maghrib | U. Ahmad Tamsir | Baik |
| 16 | Masjid (IKBN) Dusun Tua | Tiada | | | |
| 17 | Masjid Kg. Sungai Raya | Tiada | | | |
| 18 | Masjid Kariah Batu 10 | Ada | Kuliah maghrib | U.Basri Khalil | Kurang |
| 19 | Masjid Kariah Sg. Sekamat | Tiada | | | |
| 20 | Masjid Manbaiel Ulum Cheras Jaya | Ada | Kuliah maghrib | Imam | Baik |
| 21 | Masji al-Amin Briged Tengah Batu 9 Cheras | Ada | Kuliah & kelas untuk kanak-kanak | Imam | Sangat baik |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 22 | Masjid Taman Taming Jaya | Ada | kelas untuk kanak-kanak | Ustaz luar | Sangat baik |
| 23 | Masjid Taman Rakan Batu 11 | Ada | kuliah maghrib | Imam1 | Sangat baik |
| 24 | Masjid al-Ikhwaniah Taman Cheras Utama | Ada | Kuliah maghrib | Imam | Baik |
| 25 | Masjid Jamek Kajang | Ada | Kuliah dan kelas | Dr Mohd Ali & Imam | Baik |
| 26 | Masjid Hj Mat Saman Sg. Ramal Luar | Ada | Kelas praktikal | U.Abd Hamid | Kurang |
| 27 | Masjid al-Falah Sg. Ramal Dalam | Ada | 2 kelas | Ustaz luar | Amat Baik |
| 28 | Masjid al-Solihin Kg. Teras Jernang | Tiada | | | |
| 29 | Masjid Kariah Pekan Bangi | Ada | Kuliah maghrib | imam | Kurang |
| 30 | Masjid al-Saadah Penjara Kajang | Ada | kelas 2 mggu sekali | Ustaz dari UKM | Baik |
| 31 | Masjid Kampus UKM | Ada | Kelas | Pegawai masjid | Amat baik |
| 32 | Masjid al-Hasanah Bandar Baru Bangi | Ada | kuliah maghrib | Imam | Baik |
| 33 | Masjid al-Azhar KUIS | Ada | Kelas khas | Pegawai masjid | Kurang |
| 34 | Masjid Kariah Batu 3 Semenyih | Ada | kuliah maghrib | U.mahfuz | Sederhana |
| 35 | Masjid Raja Muda Musa Semenyih | Tiada | | | |
| 36 | Masjid Kariah Rincing Hulu Semenyih | Ada | Kelas Praktikal | Imam | Kurang |
| 37 | Masjid Kariah Kg. Pasir Baru | Tiada | | | |
| 38 | Masjid Kariah Rincing Hilir | Tiada | | | |
| 39 | Masjid Raja Alang Beranang | Tiada | | | |
| 40 | Masjid Kariah Kuala Pajam | Tiada | | | |
| 41 | Masjid Kariah Sg. Kembung Hilir | Tiada | | | |
| 42 | Masjid Kariah Sg. Kembung Hulu | Tiada | | | |
| 43 | Masjid Kariah Sesapan Batu Rembau | Ada | Kelas celik al-Quran | 4 orang | Sangat baik |
| 44 | Masjid Nurul Ehsan Taman Seri Cheras | Ada | Kelas | Ustaz luar | Sangat baik |
| 45 | Masjid Taman Kosas | Ada | Kelas 2 x seminggu | Imam 1 | Baik |

# BAB 4

# KEMAHIRAN BACAAN AL-FATIHAH DALAM KALANGAN JEMAAH MASJID: KAJIAN DI MASJID-MASJID DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR

## Pendahuluan

Bab empat ini merupakan intipati kepada penulisan ini, dimana penulis akan membentangkan dapatan dari kajian serta tinjauan yang dilakukan. Bagaimanapun sebelum itu penulis akan menjelaskan metodologi yang digunakan dalam mendapatkan data, kaedah persampelan yang digunakan serta analisis yang dilaksanakan.

## 4.1 Subjek Serta Skop Kajian

Kajian penulis bertajuk Kemahiran Bacaan surah al-Fatihah dalam Kalangan Jemaah Masjid: Kajian Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat Selangor". Terdapat 45 buah masjid di daerah Hulu Langat yang mewakili 7 mukim. Dalam kajian ini penulis menskopkan kepada 13 buah masjid iaitu lebih kurang 30% dari jumlah keseluruhan masjid di daerah Hulu Langat. Bagi setiap masjid penulis mendapatkan 30 orang jemaah masjid sebagai sampel kajian. Maklumat yang ingin penulis dapatkan dari sampel adalah kemahiran dalam pembacaan surah al- Fatihah.

### 4.1.1 Masjid

Penulis memilih 13 daripada 45 masjid di daerah Hulu Langat sebagai tempat menjalankan kajian masjid-masjidnya adalah:

4.1.1.1 Masjid Nurul Hidayah Kampung Pandan Dalam

Masjid ini berada dalam mukim Ampang. Nazir masjid ini adalah Haji Jalaluddin bin Zainal Abidin. Masjid masih belum mempunyai kelas pengajian Tajwid[120].

4.1.1.2 Masjid Al-Ubudiyah, Tasik Tambahan Ampang

Masjid ini di bawah pentadbiran nazir Haji Samsi bin Amat Tamsir. Masjid ini mempunyai kelas pengajian Tajwid, kelas ini sudah berjalan selama sepuluh tahun. Tenaga pengajar pula terdiri dari kalangan anak tempatan dengan sambutan yang baik dari jemaah masjid[121].

4.1.1.3 Masjid Al-Azim Pandan Indah

Masjid ini mengadakan dua kali kelas pengajian Tajwid seminggu iaitu selapas Maghrib dan Isyak. Walau bagaimanapun, menurut nazir masjid ini Haji Ahmad Ishak Haron sambutan dari jemaah masjid agak berkurangan[122].

4.1.1.4 Masjid Kariah Batu 10 Cheras

Menurut nazir masjid ini Haji Yahaya Mohd Taib, masjid ini mempunyai kelas pengajian Tajwid setiap ahad malam. Tenaga pengajar adalah dari sekolah agama berdekatan (Sekolah Agama Menengah Batu 10 Cheras)[123].

---

[120] Jalaluddin bin Zainal, Nazir Masjid Nurul Hidayah Kampung Pandan Dalam. Temubual pada 8 Ogos 2008.
[121] Samsi bin Ahmad Tamsir, Nazir Masjid Al-Ubudiah, Tasik Tambahan Ampang. Temubual pada 8 Ogos 2008.
[122] Ahmad Isa bin Haron. Nazir Masjid Al-Azim Pandan Indah. Temubual pada 8 Ogos 2008.
[123] Yahya bin Mohd Taib, Nazir Masjid Kariah Batu 10 Cheras. Temubual pada 27 Februari 2009.

4.1.1.5 Masjid Jamek Kajang

Menurut nazir masjid Dato' Haji Mat Yassir bin Juli, masjid ini mengadakan kelas pengajian Tajwid dua kali sebulan, iaitu pada minggu kedua dan keempat, tenaga pengajar pula adalah imam masjid dan pengajar jemputan[124].

4.1.1.6 Masjid As-Solihin Kg. Teras Jernang

Masjid ini tidak mempunyai kelas pengajian Tajwid

4.1.1.7 Masjid Kampus UKM

Masjid ini ada menyediakan kelas pengajian Tajwid dan dibuka kepada semua jemaah atau pelajar secara percuma. Tenaga pengajar terdiri dari imam, bilal serta kakitangan UKM. Sambutan dari jemaah pula adalah sangat menggalakkan[125].

4.1.1.8 Masjid al-Hasanah Bandar Baru Bangi

Kelas pengajian Tajwid dijalankan di masjid ini setiap minggu selepas Maghrib. Kelas ini dikendali oleh imam masjid[126].

4.1.1.9 Masjid Raja Muda Musa Semenyih

Masjid ini tidak mengadakan kelas pengajian Tajwid [127].

---

[124] Mat Yassir bin Juli, Nazir Masjid Jamek Kajang. Temubual pada 22 Mac 2009
[125] Faudzinaim bin Badarudin, Nazir Masjid Kampus UKM. Temubual pada 13 Februari 2009
[126] Osman bin Desa, Nazir Masjid Jamek Al-Hasanah Bandar Baru Bangi. Temubual pada 13 Februari 2009
[127] Maarof bin Haron, Nazir Masjid Raja Muda Musa, Semenyih. Temubual pada 20 Mac 2009

4.1.1.10 Masjid Kariah Rincing Hilir

Menurut nazir masjid ini Haji Taib bin Basir, masjid ini pernah mengadakan kelas pengajian Tajwid namun kelas tersebut terhenti kerana tenaga pengajar berpindah kerja[128].

4.1.1.11 Masjid Nurul Ehsan Taman Seri Cheras

Masjid ini mempunyai kelas pengajian Tajwid. Kelas dijalankan pada hari sabtu dan dikendali oleh tenaga pengajar dari Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang[129].

4.1.1.12 Masjid Taman Kosas

Masjid ini mengadakan kelas pengajian Tajwid dua kali seminggu iaitu pada hari Rabu dan Isnin. Sambutan dari jemaah adalah menggalakkan terutama dari jemaah wanita[130].

4.1.1.13 Masjid Al-Azhar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Masjid ini mengadakan kelas khas bacaan al-Quran untuk para mualaf atau mereka yang tiada kemahiran membaca al-Quran. Kelas diadakan setiap hari menggunakan buku Iqra'.

---

[128] Taib bin Basir, Nazir Masjid Kariah Rincing Hilir. Temubual pada 27 Februari 2009
[129] Ibrahim bin Yusof, Nazir Nurul Ehsan, Taman Sri Cheras. Temubual pada 21 Januari 2009
[130] Izhar Haron, bekas Nazir Masjid Taman Kosas. Temubual pada 27 Februari 2009

### 4.1.2 Jemaah Masjid

Penulis memilih 30 orang responden dari jemaah setiap masjid yang dikaji sebagai sampel. Pemilihan responden adalah melalui kaedah pemilihan rawak tanpa mengira faktor-faktor demografi. Responden hanya diminta merakamkan bacaan surah al-Fatihah pada alat rakaman Mp3.

## 4.2 Pengumpulan Data

Penulis menggunakan tiga jenis instrument bagi mendapatkan data iaitu analisis dokumen, temubual dan ujian bacaan.

### 4.2.1 Analisis Dokumen.

Penulis menggunakan kaedah ini bagi mendapatkan data mengenai mukim-mukim di daerah Hulu Langat Selangor, dan jumlah masjid yang terdapat di daerah ini. Penulis mendapatkan dokumen ini daripada pihak yang bertanggungjawab bagi data-data tersebut seperti Pejabat Daerah Hulu Langat dan Jabatan Agama Islam Daerah Hulu Langat.

### 4.2.2 Temubual

Metode temubual penulis gunakan bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai kelas pengajian al-Quran bagi masjid-masjid di daerah ini. Subjek atau responden temubual ini adalan nazir atau bekas nazir masjid. Temubual dilaksanakan dengan cara temubual melalui telefon. Gaya temubual yang penulis gunakan bagi mendapatkan maklumat adalah temubual berstruktur dimana penulis menjalankan sesi temubual dengan menyoal soalan yang sama

kepada semua responden. Ini bagi memastikan penulis mencapai objektif kajian dan membantu dalam membuat perbandingan data yang diperolehi dari responden

### 4.2.3 Ujian Bacaan

Ujian bacaan telah dijalankan oleh penulis bagi mendapatkan data tentang kemahiran bacaan surah al-Fatihah. Pada permulaannya penulis akan merakam bacaan surah al-Fatihah dari jemaah masjid yang dikaji menggunakan alat perakam Mp3. Berdasarkan rakaman, penulis akan menilai bacaan surah al-Fatihah menggunakan borang penilaian yang mengandungi kriteria-kriteria dalam aspek yang hendak diuji. Borang penilaian tersebut mengandungi dua bahagian iaitu skor penilaian dan bentuk bentuk kesalahan yang dilakukan dalam pembacaan surah al-Fatihah.

## 4.3 Analisis data

Segala data yang didapati akan dianalisis mengikut jenis data. Data berbentuk huraian atau kualitatif akan dianalisis mengikut kandungan dan tema manakala data kuantitatif dianalisis menggunakan sistem *Statistical Packages of Social Science* (SPSS) versi 13.0. Bagi kajian ini penulis akan menilai kemahiran bacaan surah al-Fatihah dikalangan jemaah masjid dengan menggunakan borang penilaian. Borang tersebut mengandungi dua bentuk penilaian iaitu skor penilaian dan bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan.

### 4.3.1 Skor Penilaian

Skor yang penulis tetapkan bagi ujian adalah berdasarkan kemahiran, kelancaran serta jenis kesalahan yang dilakukan responden dalam pembacaan surah al-Fatihah. Skor Penilaian ini merupakan sebahagian set skor penilaian yang digunakan untuk temuduga pengambilan pelajar maktab perguruan Islam[131]. Walaubagaimanapun penulis telas mengubahsuai skor penilaian ini agar sesuai dengan matlamat kajian. Markah skor berjumlah 20 markah serta mengikut kategori berikut:

a. Cemerlang (20 markah): Dapat menyempurnakan bacaan Surah al-Fatihah dengan mengikut hukum Tajwid dengan tepat, Sebutan huruf dari segi *Fasahah* yang baik, *Makhraj* huruf yang tepat serta tidak melakukan kesalahan besar atau kecil

b. Baik (16-19 markah): Dapat menyempurnakan bacaan Surah al-Fatihah mengikut hukum Tajwid yang tepat, sebutan huruf yang yang baik *Fasahah* dan *Makhraj* serta melakukan 1-3 kesalahan kecil.

c. Sederhana (5-15 markah): Tidak dapat menyempurnakan bacaan surah al- Fatihah mengikut hukum Tajwid yang tepat, bacaan tidak lancar dari segi *Fasahah* namun betul dari segi *Makhraj* huruf serta melakukan lebih dari 3 kesalahan kecil.

d. Lemah (1-5 markah): Melakukan sekurang-kurangnya satu kesalahan besar dalam bacaan surah al-Fatihah atau bacaan tidak lancar dari segi *Fasahah* dan *Makhraj*.

---

[131] Mohd Zulkifli Dahlan. Bekas Pensyarah Maktab Perguruan Islam Bandar Baru Bangi. Temubual pada 3 Jun 2008.

Surah al-Fatihah merupakan rukun dalam solat. Sebarang kekurangan dalam pembacaan surah al-Fatihah akan menjejaskan solat secara keseluruhannya. Atas dasar itu penulis menetapkan bahawa sekiranya responden melakukan hanya satu *Lahn al-Jali* (kesalahan besar) markah yang akan diberikan adalah dalam kategori lemah iaitu 1-5 markah sahaja.

### 4.3.2 Bentuk-Bentuk Kesalahan Yang Dilakukan

Bahagian kedua yang dianalisis adalah bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan dalam pembacaan surah al-Fatihah. Berdasarkan obsevarsi dan pengalaman, penulis meletakkan enam kolum bentuk kesalahan yang biasanya dilakukan semasa pembacaan surah al-Fatihah. Bentuk-bentuk kesalahan itu adalah:

#### 4.3.2.1.1 Penambahan Sabdu

Penambahan sabdu berlaku apabila pembaca menambah dengung pada huruf *Mim* dan *Nun* yang tidak bersabdu. Kesalahan ini pada kebiasaannya berlaku pada huruf *Nun* atau *Mim* yang berada di akhir kalimah contohnya semasa pembaca membaca ayat kedua surah al-Fatihah !! !!!!!!!!! !f

(2 :!! !!!!)!! !!!!!f pembaca akan menambah dengung pada huruf *Nun* sehingga 2 harakat seolah-olah *Nun* itu bersabdu

4.3.2.1.2 Tertinggal Sabdu

Sabdu atau *Shiddah* pada asalnya adalah dua huruf yang sama dengan huruf pertama bertanda *sukun* ( ْ◌ ) dan huruf kedua berbaris lalu dimasukkan huruf pertama ke dalam huruf kedua lalu menjadi satu huruf yang bersabdu. Meninggalkan sabdu pada huruf yang bersabdu bermaksud membuang satu huruf dan termasuk dalam kategori *Lahn al-Jali* atau kesalahan besar. Kesalahan meninggalkan sabdu merupakan kesalahan yang biasa dilakukan dalam pembacaan surah al-Fatihah. Terdapat 14 sabdu dalam surah al-Fatihah yang perlu ditunaikan haknya.

4.3.2.1.3 Penukaran Huruf

Satu lagi bentuk kesalahan yang biasa dilakukan dalam pembacaan surah al-Fatihah adalah penukaran huruf sebagai contoh menukar huruf *Ha'* (! ) kepada *Ha'* (o !) pada kalimah !! o ! !!! ataupun menukar huruf *Sin* (! ) kepada huruf *Sad* (! ) pada kalimah !! o !!!! !!

4.3.2.1.4 *Tafkhim dan Tarqiq*

Setiap huruf *Hija'iyah* mempunyai sifat yang tersendiri. Ada huruf yang bersifat *Tafkhim* iaitu tebal dan ada yang *Tarqiq* iaitu nipis. Menyebut huruf yang nipis dengan tebal atau sebaliknya adalah antara kesalahan yang biasa dilakukan dalam pembacaan surah al-Fatihah contohnya menebalkan huruf *Lam* pada kalimah ! o !!!o ! !!

4.3.2.1.5 *Qalqalah*

Di dalam huruf *Hija'iyah* hanya lima huruf yang mempunyai sifat *Qalqalah* atau berlantun suara semasa *sukun* iaitu huf *Qaf*, *Ta'*, *Ba'*, *Jim* dan *Dal*. Walau bagaimanapun, di dalam surah al-Fatihah tidak terdapat bacaan yang mempunyai bacaan *Qalqalah*. Antara kesalahan membaca dengan *Qalqalah* yang biasa dilakukan dalam surah al-Fatihah adalah pada huruf *Ghayn* ( ! ) pada kalimah ! !! !!ƒ

4.3.2.1.6 *Al-Mad* dan *al-Qasr*

*Al-Mad* dalam istilah ilmu Tajwid bermaksud membaca lebih dari dua harakat manakal *al-Qasr* pula membaca dengan tidak lebih atau kurang dari dua harakat. Kesalahan yang biasa dilakukan oleh pembaca adalah membaca dengan lebih dari dua harakat pada *Mad Asli* kerana mengikut lagu yang dibawa atau membaca kurang dari harakat yang sepatutnya seperti membaca kurang dari enam harakat pada *Mad Lazim Kalimi Muthaqqal* .

Dalam bahagian kedua ini penulis akan menetukan jenis kesalahan yang dilakukan tanpa mengira kekerapan kesalahan yang dilakuakan oleh setiap responden. Ini kerana kekerapan kesalahan yang dilakukan akan dinilai pada bahagian pertama iaitu skor penilaian.

## 4.4 Dapatan kajian

### 4.4.1 Kelas Pengajian Tajwid

Kajian dari 13 masjid mendapati 4 masjid tidak mempunyai kelas pengajian Tajwid dan baki 9 Masjid mempunyai kelas pengajian Tajwid. Perincian mengenai Masjid yang mempunyai kelas pengajian Tajwid adalah seperti jadual 4.1 dibawah

Jadual 4.1 kelas Pengajian Tajwid di Masjid

| Bil | Masjid | Kelas Pengajian Tajwid |
|---|---|---|
| 1 | Masjid As-Solihin Kg Teras Jenang | Tiada Kelas |
| 2 | Masjid Hasanah B.B.Bangi | Ada |
| 3 | Masjid Jamek Kajang | Ada |
| 4 | Masjid Kariah Batu 10 Cheras | Ada |
| 5 | Masjid Kariah Rinching Hilir | Tiada Kelas |
| 6 | Masjid Kampus UKM | Ada |
| 7 | Masjid Nurul Hidayah, Pandan Dalam | Tiada |
| 8 | Masjid Al-Ubudiah,Ampang | Ada |
| 9 | Masjid Taman Kosas,Ampang | Ada |
| 10 | Masjid Raja Muda Musa, Semenyih | Tiada |
| 11 | Masjid Nurul Ehsan, Cheras | Ada |
| 12 | Masjid Al-Azim, Pandan Indah | Ada |
| 13 | Masjid Al-Azhar KUIS | Ada |

### 4.4.2 Sambutan Terhadap Kelas Pengajian Tajwid

Jadual 4.2 menunjukkan kajian Penulis pada 9 masjid yang mempunyai kelas pengajian Tajwid. Didapati 3 masjid mendapat sambutan yang sangat baik, 4 masjid mendapat sambutan yang baik manakala 3 masjid yang kurang baik sambutan terhadap pengajian Tajwid.

Jadual 4.2: Sambutan terhadap kelas pengajian Tajwid di Masjid

| Bil | Masjid | Sambutan Kelas Pengajian Tajwid |
|---|---|---|
| 1 | Masjid As-Solihin Kg Teras Jenang | Tiada Kelas |
| 2 | Masjid Hasanah Bandar.Baru Bangi | Baik |
| 3 | Masjid Jamek Kajang | Baik |
| 4 | Masjid Kariah Batu 10 Cheras | Kurang |
| 5 | Masjid Kariah Rinching Hilir | Tiada Kelas |
| 6 | Masjid Kampus UKM | Sangat Baik |
| 7 | Masjid Nurul Hidayah, Pandan Dalam | Tiada |
| 8 | Masjid Al-Ubudiah,Ampang | Baik |
| 9 | Masjid Taman Kosas,Ampang | Baik |
| 10 | Masjid Raja Muda Musa, Semenyih | Tiada |
| 11 | Masjid Nurul Ehsan, Cheras | Sangat Baik |
| 12 | Masjid Al-Azim, Pandan Indah | Kurang |
| 13 | Masjid Al-Azhar KUIS | Kurang |

### 4.4.3 Skor Penilaian Pembacaan Surah Al-Fatihah Mengikut Markah.

Sebanyak 390 responden yang mewakili 13 masjid telah diuji pembacaan surah al-Fatihah. Hasil markah secara keseluruhan responden adalah seperti jadual berikut:

Jadual 4.3: Markah keseluruhan bacaan surah Al-Fatihah jemaah masjid-masjid daerah Hulu Langat Selangor

| Bil | Markah | Bilangan Jemaah | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1 | 3 | 10 | 2.6 |
| 2 | 4 | 54 | 13.8 |
| 3 | 5 | 58 | 14.9 |
| 4 | 6 | 1 | 0.3 |
| 5 | 10 | 1 | 0.3 |
| 6 | 11 | 2 | 0.5 |
| 7 | 12 | 2 | 0.5 |
| 8 | 13 | 7 | 1.8 |
| 9 | 14 | 6 | 1.5 |
| 10 | 15 | 19 | 4.9 |
| 11 | 16 | 34 | 8.7 |
| 12 | 17 | 31 | 7.9 |
| 13 | 18 | 46 | 11.8 |
| 14 | 19 | 56 | 14.4 |
| 15 | 20 | 63 | 16.2 |
| Jumlah | | 390 | 100% |

Jadual 4.3 di atas menunjukkan taburan markah penilaian bacaan surah al-Fatihah terhadap jemaah masjid-masjid daerah Hulu Langat, Selangor. Didapati dari 390 responden 63 atau 16.2% yang dapat membaca surah al-Fatihah dengan sempurna atau tanpa kesalahan. 56 responden mendapat 19 markah, dan 46 responden mendapat 18 markah. Walaubagaimanapun sebanyak 58 responden atau 14.9% mendapat hanya 5 markah dan 13.8% atau 54 responden mendapat 4 markah.

Jadual 4.4: Min, Median dan Mode markah keseluruhan bacaan surah Al-Fatihah jemaah masjid-masjid daerah Hulu Langat Selangor

| | Responden | Minimum | Maksimum | Min | Median | Mode | Std Deviation |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Markah | 390 | 3 | 20 | 13.5410 | 17 | 20 | 6.44870 |

Jadual di atas menunjukkan Min, Median serta Mode markah yang diperolehi hasil ujian rakaman jemaah masjid-masjid daerah Hulu Langat Selangor. Didapati min markah adalah 13.5410, manakala nilai tengah adalah 17 dan Mode atau markah yang paling kerap diperolehi adalah 20.

### 4.4.4 Skor Penilaian Pembacaan Surah Al-Fatihah Mengikut Kategori

Jadual 4.5: Penilaian bacaan surah al-Fatihah jemaah masjid-masjid daerah Hulu Langat Selangor mengikut kategori

| Bil | Kategori | Bilangan Jemaah | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1 | Cemerlang | 63 | 16.2 |
| 2 | Baik | 167 | 42.8 |
| 3 | Sederhana | 38 | 9.7 |
| 4 | Lemah | 122 | 31.3 |
| Jumlah | | 390 | 100.0 |

Jadual 4.5 di atas menunjukkan taburan pembacaan surah al-Fatihah mengikut kategori. Didapati seramai 42.8% atau 167 orang dari 390 responden dapat membaca surah al-Fatihah dengan baik dan hanya melakukan tidak lebih dari 3 kesalahan kecil. 16.2% atau 63 jemaah masjid dapat menyempurnakan bacaan surah al-Fatihah tanpa kesalahan. 38 responden membaca secara sederhana iaitu melakukan lebih 3 kesalahan dan tidak lancar dari segi *Fasahah.* Walaubagaimanapun seramai 122 atau 31.3% dari responden berada dalam

ketegori lemah, iaitu mereka melakukan sekurang-kurangnya satu kesalahan besar semasa membaca surah al-Fatihah.




Rajah 4.1 Markah keseluruhan bacaan surah Al-Fatihah jemaah masjid-masjid daerah Hulu Langat Selangor mengikut kategori

### 4.4.5 Kekerapan Bentuk Kesalahan Yang Dilakukan

Berdasarkan borang penilaian bahagian kedua yang disediakan bentuk kesalahan yang dilakukan jemaah masjid dalam pembacaan surah al-Fatihah adalah terdiri dari enam bentuk kesalahan iaitu Penambahan Sabdu, Tertinggal Sabdu, Penukaran Huruf, *Tafkhim* dan *Tarqiq*, *Qalqalah* serta *Al-Mad* dan *Al-Qasr*.

Jadual 4.6 Bentuk Kesalahan yang dilakukan

| Bil | Jenis Kesalahan | Bilangan Responden | Peratus |
|---|---|---|---|
| 1 | Penambahan Sabdu | 12 | 3.1 |
| 2 | Tertinggal Sabdu | 119 | 30.5 |
| 3 | Penukaran Huruf | 44 | 11.3 |
| 4 | Tafkhim dan Tarqiq | 166 | 42.6 |
| 5 | Qalqalah | 52 | 13.3 |
| 6 | Al-Mad dan Al-Qasr | 143 | 36.7 |

Jadual 4.6 di atas menunjukkan bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan oleh jemaah masjid-masjid daerah Hulu Langat Selangor. Peratusan tertinggi adalah pada kesalahan *Tafkhim* dan *Tarqiq* iaitu 42.6 atau 166 dari 390 responden. Jemaah yang melakukan kesalahan meninggalkan sabdu adalah seramai 119 orang atau 30.5%. 52 orang melakukan kesalahan pada *Qalqalah*, manakala 44 responden atau 11.3% melibatkan penukaran huruf. Kesalahan yang paling sedikit dilakukan adalah penambahan sabdu dimana hanya 12 atau 3.1% dari keseluruhan 390 responden yang melakukan kesalahan ini.

### 4.4.6 Pengukuran Bentuk Kesalahan dengan Kategori Penilaian Bacaan Jemaah Masjid.

Jadual 4.7 Bentuk kesalahan mengikut kategori tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah jemaah masjid-masjid daerah Hulu Langat Selangor

| Bentuk Kesalahan | Cemerlang | Baik | Sederhana | Lemah | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| Penambahan Sabdu | 0 | 9 | 1 | 2 | 12 |
| Tertinggal Sabdu | 0 | 0 | 0 | 119 | 119 |
| Penukaran Huruf | 0 | 6 | 12 | 26 | 44 |
| *Tafkhim Dan Tarqiq* | 0 | 104 | 29 | 33 | 166 |
| *Qalqalah* | 0 | 36 | 9 | 7 | 52 |
| *Al-Mad dan Al-Qasr* | 0 | 63 | 25 | 55 | 143 |

Jadual 4.7 di atas menunjukkan bentuk kesalahan mengikut kategori tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah jemaah masjid-masjid daerah Hulu Langat Selangor. Didapati kebayakkan jemaah yang berada dalam kategori baik bacaan surah al-Fatihah melakukan kesalahan *Tafkhim Dan Tarqiq* iaitu 104 orang atau 62.3%. Hampir kesemua dari kategori lemah melakukan kesalahan tertinggal sabdu iaitu 119 dari 121 responden. Dari jumlah 52 responden yang melakukan kesalahan *Qalqalah,* 36 atau 69.2% adalah dari kategori baik, 9 orang dari kategori sederhana dan 7 dari kategori lemah, manakala bagi kesalahan *Al-Mad dan Al-Qasr* 63 responden adalah dari kategori baik, 25 dari kategori sederhana dan 55 dari kategori lemah.

### 4.4.7 Hubungan Diantara Kelas Pengajian Tajwid Dengan Tahap Kemahiran Bacaan Surah Al-Fatihah Jemaah Masjid

Bagi mengetahui hubungan kelas pengajian Tajwid yang diadakan di masjid dalam mempengaruhi tahap bacaan surah al-Fatihah di kalangan jemaah masjid, penulis menetapkan hipotes *nul* yang berikut

4.4.7.1 H*o* 1: Tidak terdapat hubungan antara kewujudan Kelas Pengajian Tajwid di masjid dengan kemahiran bacaan al-Fatihah jemaah masjid.

Jadual 4.8: Pengukuran antara kategori tahap pembacaan surah al-Fatihah jemaah masjid dengan kewujudan kelas pengajian Tajwid

| Kategori | Kelas Tajwid | | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | Ada | Tiada | |
| Cemerlang | 50 | 13 | 63 |
| Baik | 123 | 44 | 167 |
| Sederhana | 25 | 13 | 38 |
| Lemah | 72 | 50 | 122 |
| Jumlah | 270 | 120 | 390 |

Jadual 4.8 di atas menunjukkan pengukuran frekuansi kategori tahap pembacaan surah al-Fatihah jemaah masjid mengikut masjid yang mempunyai kelas pengajian Tajwid dan tidak. Didapati bagi kategori cemerlang 50 responden atau 79.3% adalah jemaah dari masjid yang mempunyai kelas pengajian Tajwid. Manakala bagi kategori baik 123 atau 73.7% adalah jemaah yang mempunyai kelas pengajian Tajwid. Bagi ketegori lemah 50 responden atau 41% adalah dari masjid yang tidak mempunyai kelas pengajian Tajwid.

Jadual 4.9 pula menunjukkan min markah bagi responden dari masjid yang mempunyai kelas Tajwid dan responden dari masjid yang tiada kelas Tajwid. Didapati min markah bagi responden dari masjid yang mempunyai kelas Tajwid adalah 14.263 dan bagi masjid yang tiada kelas Tajwid adalah 11.916. ini bermaksud responden dari masjid yang mempunyai kelas Tajwid mempunyai tahap pembacaan surah al-Fatihah yang lebih baik dari responden dari masjid yang tiada kelas Tajwid

Jadual 4.9: Min markah responden dari masjid yang mempunyai kelas pengajian Tajwid dan masjid yang tiada kelas pengajian Tajwid

| Kelas Tajwid | | Responden | Min | Sisihan Piawai | Std. Error Mean |
|---|---|---|---|---|---|
| markah | Ada | 270 | 14.2630 | 6.17295 | .37567 |
| | Tiada | 120 | 11.9167 | 6.77934 | .61887 |

Jadual 4.10 di bawah menunjukkan keputusan ujian *t* Ujian tersebut menunjukkan bahawa nilai p = .000 < $\alpha$ = .01. Ini bermakna H*o* ditolak yang memberi maksud terdapat perhubungan antara kewujudan kelas pengajian Tajwid di masjid dengan tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah jemaah masjid.

Jadual 4.10: Ujian *t* hubungan antara kewujudan kelas pengajian Tajwid dan tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah jemaah masjid.

| | F | Sig. | T | D.K | Min Markah | Std. Deviation | Selang keyakinan 95% | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | Lower | Upper |
| Terdapat kelas Tajwid | 14.144 | 0.000 | 3.360 | 388 | 14.2630 | 6.17295 | .97330 | 3.71929 |
| Tidak terdapat kelas Tajwid | | | 3.241 | 210.231 | 11.9167 | 6.77934 | | |

* $p < 0.05$

4.4.7.2 H*o* 2: Tidak terdapat hubungan antara sambutan kelas Tajwid di masjid dengan kemahiran bacaan al-Fatihah jemaah masjid.

Jadual 4.11: Pengukuran antara kategori tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah jemaah masjid dengan sambutan kelas pengajian Tajwid.

| Kategori | Sambutan Kelas Pengajian Tajwid | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | Tiada Kelas | Kurang | Baik | Sangat Baik | |
| Cemerlang | 13 | 25 | 11 | 14 | 63 |
| Baik | 44 | 44 | 48 | 31 | 167 |
| Sederhana | 13 | 3 | 17 | 5 | 38 |
| Lemah | 50 | 18 | 44 | 10 | 122 |
| Jumlah | 120 | 90 | 120 | 60 | 390 |

Jadual 4.11 di atas menunjukkan pengukuran frekuansi kategori tahap pembacaan surah al-Fatihah jemaah masjid mengikut sambutan terhadap kelas pengajian Tajwid di masjid. Didapati bagi kategori lemah 68 responden atau 55.7% adalah dari masjid yang tiada kelas atau sambutan terhadap kelas pengajian Tajwid adalah kurang baik. Manakala bagi kategori baik 47.3% atau 79 responden adalah dari masjid yang mempunyai sambutan yang baik dan sangat baik terhadap kelas pengajian Tajwid.

Jadual 4.12: Ujian *ANOVA* hubungan antara sambutan kelas pengajian Tajwid dan tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah jemaah masjid

| | Jumlah Kuasa Dua | D.K | Min Kuasa Dua | F | Sig. |
|---|---|---|---|---|---|
| Antara Kumpulan | 38.184 | 3 | 12.728 | 11.483 | .000 |
| Dalam Kumpulan | 427.839 | 386 | 1.108 | | |
| Total | 466.023 | 389 | | | |

$* p < 0.05$

Jadual 4.12 di atas menunjukkan ujian *ANOVA* sehala yang dijalankan bagi menguji hubungan antara sambutan kelas pengajian Tajwid dan tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah jemaah masjid. Ujian tersebut menunjukkan bahawa nilai $p = .000 < \alpha = .01$. Ini bermakna H*a* diterima yang memberi maksud terdapat perhubungan antara sambutan terhadap kelas pengajian Tajwid di masjid dengan tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah jemaah masjid.

## 4.5 Kesimpulan

Kajian penulis di dalam bab keempat ini adalah bagi mendapatkan rumusan hasi ujian yang dijalankan terhadap hipotesis yang dibuat pada awal kajian. Penulis mendapati tidak semua masjid-masjid di daerah Hulu Langat Selangor menjalankan kelas pengajian Tajwid. Dari 45 masjid di daerah ini 18 atau 40% masjid tidak menjalankan kelas pengajian Tajwid. Manakala dari 13 masjid yang dikaji, 4 masjid tiada kelas pengajian Tajwid. Sambutan terhadap kelas pengajian yang dilaksanakan juga berbeza antara satu masjid dengan yang lain. Walaubagaimanapun dari masjid-masji yang dikaji, kebanyakkannya yang mendapat sambutan yang baik dari jemaah masjid.

Dari segi tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah pula didapati secara purata, tahap kemahiran jemaah masjid berada di kategori sederhana (5-15 markah) iaitu 13.6 markah walaupun kategori baik mendapat peratus yang tertinggi iaitu 42.8% dari jumlah responden. Satu perkara yang perlu diberi perhatian adalah jumlah responden yang mendapat kurang dari 5 markah atau berada dalam kategori lemah. Seramai 122 atau 31.3% dari jumlah 390 responden berada dalam kategori ini. Ini bermaksud 122 orang telah melakukan sekurang-kurangnya satu kesalahan besar dalam pembacaan surah al-Fatihah. Sebagaimana yang diterangkan sebelum ini bahawa surah al-Fatihah merupakan rukun dalam solat, maka sebarang kekurangan terutama kesalah besar yang dilakukan dalam pembacaan surah al-Fatihah akan menjejaskan keseluruhan solat.

Bentuk kesalahan yang dilakukan pula didapati kebanyakkan kesalahan yang dilakukan adalah dlam bentuk *Tafkhim* dan *Tarqiq*, iaitu menebalkan huruf yang nipis atau menipiskan huruf yang tebal. Walaupun kesalahan ini tidak besar namun tetap perlu diambil perhatian terutama dalam memastikan kesempurnaan solat. Satu lagi bentuk kesalahan yang perlu diambil berat adalah sabdu dalam surah al-Fatihah. Didapati kebanyaak kesalah besar yang dilakukan adalah meninggalkan sabdu terutama dalam ayat pertama surah al-Fatihah. Ini berkemungkinan masih ramai lagi tidak menyedari basmalah adalah ayat pertama surah al-Fatihah. Hanya dengan cara *Talaqi* dan *Musyafahah* sahaja kesalahan-kesalahan ini dapat dielakkan.

Penulis juga mengkaji hubungan antara kewujudan serta sambutan terhadap kelas pengajian Tajwid yang dilaksanakan di masjid-masjid dengan tahap kemahiran pembacaan surah al-Fatihah jemaah. Menerusi ujian *t* serta ujian *ANOVA* sehala yang dijalankan maka didapati hipotesis nul yang dibuat

penulis telah ditolak. Ini bermakna terdapat kaitan atau hubungan diantara kewujudan kelas pengajian Tajwid dengan tahap kemahiran pembacaan surah al-Fatihah. Begitu juga terdapat hubungan antara sambutan terhadap kelas pengajian Tajwid yang diadakan oleh masjid-masjid dengan tahap kemahiran pembacaan surah al-Fatihah jemaah masjid.

# BAB LIMA
# KESIMPULAN, SARANAN & PENUTUP

Pada bab yang terakhir ini, penulis akan membuat beberapa kesimpulan, rumusan, saranan, serta cadangan kajian lanjutan. Penulis akan mengakhirinya dengan penutup.

## 5.1 Kesimpulan Dan Rumusan

Di awal kajian, penulis telah membentangkan objektif kajian serta jangkaan awal penulis bagi menjawab persoalan kajian iaitu kepentingan Tajwid dalam pembacaan al-Quran khususnya surah al-Fatihah dan kesannya pada solat, tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah jemaah di masjid-masjid daerah Hulu Langat Selangor, serta usaha pihak bertanggungjawab terhadap masjid-masjid daerah Hulu Langat, Selangor dalam memastikan pembacaan al-Quran yang betul terutamanya surah al-Fatihah

### 5.1.1 Kepentingan Tajwid

Sebagaimana yang dibentangkan di dalam bab dua, ilmu Tajwid adalah ilmu yang amat mulia dan terpuji serta amat penting dan sangat berkait dengan pembacaan al-Quran.. Ini adalah kerana apabila seseorang itu ingin membaca al-Quran dengan tepat dan mengharapkan pahala atau ganjaran daripada Allah SWT, maka bacaannya mestilah betul dan tiada kesalahan. Ini bermaksud seseorang itu perlu mendalami Ilmu Tajwid dan perlu mengamalkannya ketika membaca al-Quran. Sebagaimana pentingnya seseorang itu berwuduk untuk sah sembahyang, maka ilmu Tajwid perlu atau wajib diketahui oleh seseorang untuk sah bacaannya terutama bacaan-bacaan yang dikira sebagai rukun di dalam sembahyang.

Dari segi hukum pula penulis mendapati terdapat perbezaan antara tuntuan mempelajari ilmu tajwid diantara orang awam dan ahli ilmu. Sunat bagi orang awam mempelajari ilmu tajwid manakala bagi ahli ilmu adalah fardu kifayah.[132] Walaubagaimanapun hukum mengamalkan tajwid dalam pembacaan al-Quran adalah fardu ain bagi setiap *mukallaf*[133] . penulis juga telah menerangkan pentingnya ilmu tajwid ini dipelajari secara teori dan praktikal bagi mendapatkan bacaan al-Quran yang tepat dan betul.

### 5.1.2 Tahap Kemahiran Bacaan Surah Al-Fatihah

Hasil penilaian yang dijalankan pada rakaman bacaan surah al-Fatihah jemaah masjid-masjid daerah Hulu Langat Selangor didapati secara purata, adalah berada di tahap sederhana iaitu pada skala 5 ke 15 markah dimana *Min* markah yang penulis dapati adalah pada 13.6 markah. Dapatan ini adalah berbeza dari ramalan awal penulis bahawa tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah jemaah masjid yang dikaji adalah di tahap baik.

Dari bentuk kesalahan dalam bacaan pula penulis menjangkakan kesalahan yang dilakukan oleh responden yang dikaji adalah kesalahan-kesalahan yang kecil atau *Lahn al-Khafi* namun hasil kajian mendapati 31.3% responden telah melakukan sekurang-kurangnya satu kesalahan besar dalam pembacaan surah al-Fatihah. Bagi penulis ini adalah satu perkara yang perlu dilihat dengan serius. Ini kerana surah al-Fatihah merupakan salah satu rukun solat, maka kekurangan dalam pembacaan surah al-Fatihah akan menjejaskan solat itu sendiri.

---

132 Mahmud Khalil al-Husari (2001), *op.cit*, h.17
133 *Ibid*. h.28

Hasil kajian juga mendapati, bentuk kesalahan besar yang dilakukan oleh hampir kesemua responden yang berada di kategori lemah adalah meninggalkan sabdu. Sepertimana yang diterangkan sebelum ini bahawa kesalahan meninggalkan sabdu adalah kesalahan yang besar kerana ia bermaksud membuang satu huruf dalam pembacaan. Walaubagaimanapun perkara ini tidak akan diketahui kecuali melalui proses praktikal atau *Talaqqi* al-Quran

### 5.1.3 Usaha Pemantapan Ilmu Tajwid Oleh Pihak Bertanggungjawab

Hasil tinjauan, didapati tiada usaha secara langsung dari pihak Jabatan Agama Islam sendiri untuk mengadakan kelas pengajian Tajwid al-Quran di masjid-masjid namun jabatan agama ada menyediakan guru-guru ta'mir untuk mengajar di masjid-masjid. Kewujudan kelas pengajian Tajwid al-Quran bergantung kepada pihak pengurusan masjid dan juga kepada permintaan jemaah masjid itu sendiri. kajian mendapati 40% dari masjid-masjid di daerah Hulu Langat ini tidak mempunyai kelas pengajian Tajwid.

Walaupun dalam sesi penilaian penulis, responden yang dipilih adalah secara rawak tanpa mengambil kira samaada responden ada mengikuti kelas pengajian Tajwid atau tidak, penulis merasakan kelas pengajian Tajwid merupakan antara faktor penting dalam meningkatkan kemahiran bacaan al-Quran seseorang. Dengan kewujudan kelas pengajian Tajwid pada sesebuah masjid itu akan mendedahkan jemaahnya kepada kaedah pembacaan al-Quran yang tepat dan bentuk-bentuk kesalahan yang biasa dilakukan. Seterusnya jemaah akan mula membaca al-Quran dengan betul disamping berbincang sesama sendiri mengenai tahap kemahiran pembacaan dan usaha kepada memperbaiki

bacaan al-Quran. Keadaan ini akan juga memberi kesan kepada jemaah masjid yang tidak mengikuti kelas pengajian Tajwid kerana mereka akan terdedah secara tidak langsung kepada pembacaan yang betul semasa mengikuti program-program lain di masjid seperti majlis bacaan Yasin, Tahlil dan sebagainya.

Sebagai contoh di masjid yang mempunyai kelas pengajian Tajwid, walaupun tidak semua jemaah masjid yang mengikuti namun mereka akan mendengar bacaan surah al-Fatihah yang betul dan tepat yang dibaca oleh imam semasa dalam solat jemaah secara *Jahr*, begitu juga semasa bacaan Yasin pada malam jumaat atau Tahlil arwah. Imam dan jemaah yang mengikuti kelas pengajian Tajwid akan memperdengarkan bacaan yang betul serta diikuti jemaah-jemaah lain. Apabila proses ini berjalan setiap hari atau minggu maka secara tidak langsung jemaah-jemaah masjid yang tidak mengikuti kelas pengajian Tajwid akan membaca al-Quran khususnya surah al-Fatihah dengan betul walaupun tidak mengetahui hukum-hukum Tajwid yang terdapat pada surah itu. Semakin baik sambutan terhadap kelas pengajian tersebut akan memberi kesan yang lebih baik kepada kemahiran bacaan al-Quran jemaah masjid secara keseluruhan.

Bagi membuktikan hipotesis ini penulis telah mengadakan ujian *t* dan ujian *ANOVA* sehala bagi mengukur hubungan antara kewujudan kelas pengajian Tajwid di masjid dengan tahap kemahiran pembacaan surah al-Fatihah jemaah masjid yang menjadi responden. Didapati terdapat hubungan antara kewujudan kelas pengajian Tajwid dan juga sambutan terhadap kelas pengajian Tajwid dengan tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah dengan darjah signifikan lebih kecil dari 0.05.

Satu perkara yang perlu difikirkan adalah kajian dibuat pada jemaah masjid sedangkan realitinya lebih ramai umat Islam yang tidak solat berjemaah berbanding dengan yang bersolat secara jemaah di masjid. Jika dalam keadaan terdedah dengan kelas pengajian Tajwid dan biasa mendengar bacaan yang betul dari imam atau guru-guru, dapatan kajian bagi tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah adalah di tahap sederhana, maka penulis berani menjangkakan tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah bagi umat Islam di daerah ini secara amnya adalah lebih rendah dan perlu kepada usaha yang lebih dari semua pihak dalam meningkatkan tahap kemahiran bacaan al-Quran khususunya surah al-Fatihah.

## 5.2 Saranan

Surah al-Fatihah merupakan rukun solat, sebarang kekurangan dalam pembacaan surah al-Fatihah akan menjejaskan solat secara keseluruhan. Solat yang tidak sempurna pasti akan memberi kesan pada kehidupan seseorang muslim. Peranan solat sebagai pencegah dari perlakuan keji dan mungkar sudah semestinya mengambil kira faktor kesempurnaan solat itu sendiri. Kerana itu penulis berpendapat usaha kearah memantapkan kemahiran bacaan surah al-Fatihah adalah satu kewajipan kepada semua orang. Usaha ini tidak boleh dianggap sebagai satu tanggungjawab peribadi sahaja tetapi hendaklah dilaksanakan secara bersama samaada individu, keluarga, masyarakat, media massa dan kerajaan yang mentadbir negara. Atas dasar itu penulis ingin memberikan beberapa saranan bagi pihak-pihak tertentu yang berkaitan dengan hasil kajian ini. Maka di bawah ini penulis memperincikan saranan-saranan kepada beberapa pihak iaitu :

### 5.2.1 Individu

Semua individu muslim sendiri perlu mempunyai keazaman dan kesedaran di dalam diri mereka untuk mempelajari serta mendalami ilmu Tajwid. Ini adalah kerana dengan mendalami ilmu ini ia dapat membantu kita memperbaiki bacaan al-Quran khususnya bacaan yang merupakan rukun di dalam solat iaitu surah al-Fatihah. Selain itu kita akan dapat membaca al-Quran dengan lebih tepat dan menjauhkan diri kita daripada salah membaca al-Quran.

Setidak-tidaknya individu muslim itu perlu mempunyai inisiatif sendiri dengan melibatkan diri secara langsung di dalam aktiviti pengajian Tajwid al-Quran biarpun di mana mereka berada, samada dianjurkan oleh pihak masjid atau tempat-tempat kerja mereka. Selain dari belajar secara teori, hendaklah juga memperdengarkan bacaan al-Quran kepada guru yang berkelayakan yang juga dikenali dengan *Talaqqi* dan *Musyafahah*.

### 5.2.2 Keluarga

Ibu bapa atau penjaga perlu mengambil peranan dalam memastikan kesempurnaan ibadat anak-anak, sikap mengambil ringan dan menyerahkan kepada guru atau sekolah agama semata-mata merupakan antara sebab utama kepada kurangnya kefahaman agama dikalangan generasi muda belia.

Ibu bapa atau penjaga yang prihatin akan berusaha memantau sendiri tahap kemahiran bacaan al-Quran anak-anak. Sekiranya tidak mampu kerana tidak mempunyai pengetahuan di dalam bidang Tajwid al-Quran, mereka perlu berusaha menyediakan guru untuk mengajar keseluruhan keluaraga termasuk diri mereka sendiri. Ini kerana

pembacaan al-Quran yang betul bukan diwajibkan ke atas anak-anak sahaja malah kepada setiap *mukallaf*. Disamping itu ibu bapa atau penjaga akan menunjukkan contoh yang baik dalam mengambil berat terhadap al-Quran untuk diikuti oleh anak-anak.

### 5.2.3 Masyarakat

Masyarakat juga perlu memainkan peranannya yang tersendiri. Masyarakat perlu sedar bahawa pada hari ini umat Islam semakin menjauhi al-Quran dan lebih leka dengan kemewahan dunia serta hiburan-hiburan duniawi. Pelbagai masalah sosial dan akhlak yang berlaku kini adalah disebabkan kurang didikan agama kepada generasi baru.

Sekiranya di dalam sebuah kampung atau kelompok masyarakat mempunyai seorang atau lebih individu yang menjurus di dalam bidang pengajian pengajian al-Quran seperti Tahfiz al-Quran, maka galakan serta kefahaman masyarakat Islam tersebut akan lebih mendalam berkaitan dengan ilmu Tajwid. Dengan ini, bukan sahaja dapat menyelamat semua penduduk kampung tersebut daripada menanggung dosa malah dapat menyelamatkan umat Islam yang lain dari tersalah membaca ayat-ayat al-Quran.

Seterusnya masyarakat perlu mengamalkan sikap terbuka bagi menerima pengajaran ilmu Tajwid al-Quran. Pada kebiasaannya masyarakat memandang remeh terhadap suatu ilmu yang dirasakan tiada faedah keduniaan baginya, lebih-lebih lagi ilmu-ilmu tentang agama. Sebagai contoh berapa ramai masyarakat akan menghadiri kelas-kelas pengajian al-Quran yang dianjurkan di masjid atau di surau-surau. Maka

sikap-sikap seperti ini perlulah diubah demi kepentingan umat Islam itu sendiri.

### 5.2.4 Media Massa

Penulis melihat terdapat perkembangan yang positif pada rancangan pengajian al-Quran di media massa samada media cetak atau elektronik. Hampir semua syarikat penyiaran mempunyai sekurang-kurangnya satu rancangan pengajaran al-Quran. Ini memang membantu masyarakat agar lebih mahir dan memahami al-Quran. Penulis ingin mencadangkan agar rancangan pengajaran al-Quran berbentuk interaktif seperti Tilawah Interaktif atau Kalam Suci disiarkan di waktu prima agar ramai penonton berpeluang menyaksikannya.

Selain itu media juga perlu memperbanyakkan penerangan serta promosi mengenai kesempurnaan solat yang termasuk di dalamnya bacaan surah al-Fatihah yang betul. Perkara yang berkaitan dengan solat ini perlu diberi perhatian kerana Malaysia adalah negara yang majoriti rakyatnya beragama Islam. Kesempurnaan solat akan menghasilkan rakyat yang baik dan seterusnya membantu dalam pembinaan negara yang makmur dan sejahtera.

### 5.2.5 Pihak Berkuasa Atau Kerajaan

Pihak berkuasa atau kerajaan terutama terutamanya badan-badan agama seperti jabatan-jabatan agama Islam peringkat negeri, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi yang memainkan peranan sebagai penyelaras pendidikan di Malaysia, adalah seperti ibu dan bapa kepada rakyat. Mereka seharusnya sedar dan melakukan tindakan yang terbaik untuk rakyat di dunia dan akhirat.

Kuasa yang diberikan rakyat kepada mereka perlu digunakan ke arah pembentukkan rakyat yang gemilang di akhirat tanpa melupakan kecemerlangan di dunia.

Kerajaan perlu menyalurkan lebih banyak bantuan kepada organisasi-organisasi yang berusaha meningkatkan kemahiran al-Quran dalam masyarakat. Bantuan boleh berbentuk kewangan atau dalam bentuk kemudahan seperti tempat penginapan, pengangkutan, atau perlepasan kepada mereka yang terlibat. Selain itu dicadangkan kepada pihak Kementerian Pelajaran atau Kementerian Pengajian Tinggi agar mewajibkan mata pelajaran al-Quran dan asas Fardu Ain seperti solat pada setiap peringkat pengajian rendah dan tinggi.

Antara cabaran yang dihadapi dalam memperbanyakkan usaha meningkatkan kemahiran bacaan al-Quran terutama surah al-Fatihah di media massa adalah faktor keuntungan. Pihak media biasanya merasakan rancangan seperti ini kurang menguntungkan mereka. Disebabkan itu rancangan seperti ini biasanya dianak tirikan. Sebagai contoh rancangan Tilawah Interaktif sebelum ini disiarkan pada tengah malam. Namun jika pihak berkuasa atau kerajaan mengambil peranan seperti memberi arahan, pasti perkara ini dapat diperbaiki. Kini rancangan tersebut ditukar siarannya ke waktu petang.

Pihak kerajaan juga boleh melantik imam-imam untuk bertugas di masjid-masjid seluruh negara dari kalangan lepasan Ijazah Maahad Tahfiz. Ini adalah kerana, apabila mereka mengimami sembahyang, mereka akan dapat membaca ayat-ayat al-Quran terutama surah al-Fatihah dengan tepat dan betul Sememangnya merekalah yang lebih layak untuk menjadi imam, kerana menguasai bidang ini.

Penulis juga berharap dapatan dari kajian ini akan dijadikan landasan atau faktor untuk pihak bertanggungjawab seperti jabatan agama Islam daerah atau pusat mengadakan program *Tahsin Solat* atau sekurang-kurangnya klinik al-Fatihah bagi memantapkan lagi tahap kemahiran bacaan surah al-Fatihah dikalangan umat Islam secara am dan bukan dikhususkan kepada jemaah masjid sahaja.

## 5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan tajuk penulisan serta dapatan kajian, penulis berpendapat kajian ini boleh dipanjangkan lagi kepada beberapa kajian lain yang berkaitan atau diperdalamkan lagi. Antara cadangan kajian yang penulis rasa boleh dilaksanakan adalah:

### 5.3.1 Kemahiran Bacaan Rukun Lain Dalam Solat

Sebagaimana dimaklumi, selain dari surah al-Fatihah, terdapat juga bacaan lain yang merupakan rukun *Qawli* dalam solat seperti Tahiyyat Akhir, *Takbirah al-Ihram* serta selawat. Kajian perlu dilakukan bagi memastikan ketepatan bacaan rukun *Qawli* kerana kecacatan dalam rukun *Qawli* akan membawa kepada kecacatan kepada solat itu sendiri. Begitu juga kajian terhadap rukun-rukun lain dalam solat. Walaupun kini terdapat beberapa usaha memperbaiki atau memperkemaskan sifat solat seperti kursus solat atau klinik tahsin solat namun jika masyarakat tidak didedahkan kepada seriusnya masalah ketidaksempurnaan solat maka program ini tidak akan dapat mencapai objektifnya.

### 5.3.2 Kemahiran Bacaan Al-Quran Di Kalangan Orang Awam

Kajian penulis menjurus kepada orang awam tanpa menilai latar belakang pendidikan dan penulis mengkaji hanya pada surah al-Fatihah. Ini kerana penulis berpendapat semua orang Islam perlu mahir dalam surah ini disebabkan ia adalah rukun dalam solat. Hasil tinjauan literasi juga di dapati kajian tentang kemahiran atau tahap penguasaan al-Quran kebanyakkannya disasar kepada pelajar atau mereka yang mengambil kursus tertentu. Al-Quran adalah kitab suci umat Islam dimana suruhan membaca al-Quran dengan betul adalah kepada semua umat Islam tanpa mengira latar belakang pendidikan, sosioekonomi dan lain-lain. Maka kajian samada berbentuk lapangan atau perpustakaan perlu bagi memberi gambaran yang jelas kepada semua pihak akan kepentingan pembacaan al-Quran yang betul dan tepat. Bagi kajian lapangan perlu dilakukan ujian penilaian bacaan kerana penulis merasakan hanya dengan ujian pembacaan dapat mengukur tahap kemahiran bacaan.

### 5.3.3 Skala Kajian Yang Lebih Meluas

Penulis mencadangkan agar skala kajian ini diperluaskan ke peringkat lebih dari satu daerah atau kajian terhadap satu negeri bagi mendapatkan data serta dapatan yang lebih jitu. Kajian ini boleh dilakukan di peringkat Doktor Falsafah.

## 5.4 Penutup

Sebagai penutup, penulis berharap kajian yang dilakukan akan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat Islam dalam membina peribadi muslim yang cemerlang pada ibadat dan secara langsung akan membawa kepada kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat. Penulis mendoakan agar segala usaha kita semua akan mendapat rahmat dan keampunan yang telah dijanjikan dari Allah SWT dengan jalan kita menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup di dunia ini. Amin ya Rab al-‘Alamin.

# BIBLIOGRAFI

**Al-Quran Al-Karim**

____________________ (1403 H), *Al-Qur'an al-Karim bi al-Rasm al-ʿUthmani*, cet. 6. Damsyik : Dar al-Fajr al-Islami.

____________________ (t.t.), *Mushaf al-Qira'at wa al-Tajwid bi al-Rasm al-'Uthmani*. Beirut : Mu'assasah al-Iman

____________________ (1999), *Al-Quran Mashaf Malaysia*. Selangor : Yayasan Restu, Sungai Buluh

**RUJUKAN BAHASA ARAB**

ʿAbd Allah, Muhammad Mahmud (1996), *Kayf Taqra' al-Mushaf al-Syarif.* Kaherah : Maktabah al-Qudsi

'Abd al-Fattah Isma'il Dr (1999), *Al-Madkhal wa al-Tamhid fi 'Ilm al-Qira'at wa al-Tajwid,* Kaherah: Maktabah Wahbah.

'Abd al-Hamid Yusof Mansur (1995), *Fath al-Murid fi 'Ilm al-Tajwid*, Iskandariyyah: Dar al-Da'wah

ʿAbd al-Salim Mukram Dr. (1996), *Al-Qira'at al-Qur'aniyyah wa Atharuha fi al-Dirasat al-Nahwiyyah,* cet. 3. Beirut : Mu'assasah al-Risalah

Abu ‘Abd al-Rahman Reda ‘Ali Darwaysy dan Abu Sahl Samih bin Ahmad bin Muhammad (2000), *Fath al-Rahman fi Taysir Turuq Hafs bin Sulayman*, Kaherah: Maktabah Qurtubah.

Abu Syuhbah, Muhammad bin Muhammad, (1992). *Al-Madkhal li Dirasah al-Qur’an al-Karim*. Beirut: Dar al-Jil

Abu Zithar, al-Syaykh Ahmad Muhammad (1977), *Lata’if al-Bayan fi Rasm al-Qur’an*. Kaherah : Dar al-Syaʿb.

Abyari, Ibrahim al- (1964), *Tarikh al-Qur’an*. Kaherah : Dar al-Kitab al-Masri.

Ahmad Khalid Shukri Dr, Dr. Ahmad Muhammad Muflih al-Qudah dan Dr. Muhammad Khalid Mansur (2001), *Muqaddimah fi ‘Ilm al-Qira’at,* ‘Amman: Dar ‘Ammar.

Ahmad Ma‘bad, Muhammad (1996), *Nafhat min ʿUlum al-Qur’an*. Kaherah: Dar al-Salam.

Alusi, Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Baghdadi al- (t.t) *Ruh al-Ma‘ani fi Tafsir al-Qur’an Al-‘Azim wa Sab‘ al-Mathani*. Beirut: Dar al-Hayah al-Turath al-‘Arabi

Ansari, Syeikh al-Islam Zakariyya bin Muhammad al- (2003), *Syarh al-Jazariyyah al-Musamma al-Daqaiq al-Muhkamah fi Syarh al-Muqaddimah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Asbahi, Malik bin Anas Abu 'Abd Allah al- (t.t). Al-Muwatta' al-Imam Malik. Kaherah: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy.

'Asqalani, Ibn Hajar, al-Imam al-Hafiz Ahmad bin 'Ali al- (1969), *Inba' al-Ghumur bi Abna' al-'Umur,* Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

'Asqalani, Ibn Hajar, al-Imam al-Hafiz Ahmad bin 'Ali al- (1997), *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*,. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath

Asymuni, Ahmad bin Muhammad bin 'Abd al-Karim al- (1973). *Manar al-Huda fi Bayan al-Waqf wa al-Ibtida'*, cet. 2. Kaherah : Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih

'Asyur, Ahmad 'Isa (2003) *Al-Fiqh al-Muyassar* Beirut: Dar al-Khayr

Atiyah Qabil Nasr. (1992), *Ghayah al-Murid Fi al-'Ilm al-Tajwid*, cet.7. Kaherah: Dar al-Taqwa li al-Nasyr Wa al-Tawzi'

Banna, al-ʿAllamah al-Syaykh Ahmad bin Muhammad al- (1987), *Ittihaf Fudala' al-Basyr bi al-Qira'at al-Arbʿ ʿAsyr*. Beirut : ʿAlam al-Kutub.

Bawruno, Muhammad Sidqi bin Ahmad al- (1989) *Al-Wajiz fi Idah Qawa'id al-Fiqh al-Kuliyyah* . Riyadh: Maktabah al-Ma'arif

Bazmul, Muhammad bin 'Amr bin Salim.(1996) *Al-Qira'at Wa Atharuha Fi al-Tafsir Wa al-Ahkam.* Riyadh: Dar Hijrah li al-Nasyr Wa al-Tawzi'

Bukhari, Muhammad bin Isma'il Abu 'Abd Allah al- (1987), *Jami' Sahih al-Mukhtasar*, Beirut: Dar Ibn Kathir al-Yamamah.

Dani, al-Imam Abi 'Umar 'Uthman bin Sa'id al- (1978), *Al-Muqni' fi Rasm Masahif al-Amsar Ma' Kitab al-Nuqt*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah

Darimi, 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman Abu Muhammad al- (1407H) *Sunan al-Darimi*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi

Dimasyqi, Abu Syamah, al-Imam 'Abd al-Rahman bin Isma'il bin Ibrahim al- (t.t) *Ibraz al-Ma'ani min Hirz al-Amani*, Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.

Dimasyqi, al-Hafiz Abi al-Khayr Muhammad bin Muhammad al- (t.t.), *Al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr*. Beirut : Dar al-Fikr

Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman al- (1981), *Sayr A'lam al-Nubala',* Beirut: Muassasah al-Risalah.

Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman al- (1997), *Ma'rifah al-Qurra' al-Kubar,* Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Farjani, Muhammad Rejab (1973), *Kayfa Nata'addab Ma'a al-Mashaf Kitabatan Qira'atan Ta'alluman wa Istima'an*, Kaherah: Dar al-I'tisam.

Habsyi, Dr.Muhammad al- (1999), *Al-Qira'at al-Mutawatirah wa Atharuha fi al-Rasm al-Qur'ani wa al-Ahkam al-Syar iyyah*, Damsyiq: Dar al-Fikr.

Hafyan, Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al- (2000), *Al-Wafi fi Kayfiyyah Tartil al-Qur'an al-Karim*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Hafyan, Ahmad Mahmud 'Abd al-Sami' al- (2001), *Asyhar al-Mustalahat fi Fann al-Ada' wa 'Ilm al-Qiraat*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Harazi, Mahdi Muhammad al- (2001), *Bughyah al-Murid min Ahkam al-Tajwid*, Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.

Husari, Mahmud Khalil al- (2001), *Ahkam Qira'at al-Qur'an al-Karim*, Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.

Husari, Mahmud Khalil al- (t.t.), *Ma' al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Matba'ah Syirkah al-Syamarli

Husari, Mahmud Khalil al- (t.t.), *Al-Qira'at al-'Asyr*. Kaherah : Matba'ah Syirkah al-Syamarli

Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al- (1977), *Syarh Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira’at al-‘Asyr*. Kaherah: Dar al-Sya‘b

Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al- (1998), *Al-Nasyr fi al-Qira’at al-‘Asyr*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al- (2002), *Al-Rawdah al-Nadiyyah Syarh Matn al-Jazariyyah,* Iskandariyyah: Dar al-‘Iman.

Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al- (1999), *Munjid al-Muqri’in wa Mursyid al-Talibin*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah

Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al- (1986), *al-Tamhid fi ‘Ilm al-Tajwid,* Beirut: Muassasah al-Risalah.

Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al- (1983), *Tahbir al-Taysir,* Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al- (1997), *Tayyibah al-Nasyr,* Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Yusof al- (1932), *Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra’,* Beirut: Dar al-Kutub al-‘IImiyyah

Ibn Kathir, ‘Imad al-Din Abi al-Fida’ Isma’il bin Kathir (1997), *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Ibn Kathir, ‘Imad al-Din Abi al-Fida’ Isma’il bin Kathir (1977), *Al-Bidayah wa al-Nihayah*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘llmiyyah

Ibn al-Khatib (1948), *Al-Furqan Jam‘ al-Qur’an wa Tadwinih Hija’ih wa Rasmih Tilawatih wa Qira’atih*. Kaherah: Matba‘ah Dar al-Kutub al-Misriyyah

Ibrahim, Musa Ibrahim al- (1996), *Buhuth Manhajiyyah fi ‘Ulum al-Qur’an*, Amman : Dar ‘Immar.

‘Inayah, Ghazi (Dr.) (1996), *Huda al-Furqan fi ‘Ulum al-Qur’an*. Beirut: ‘Alam al-Kutub

Jarmi, Ibrahim Muhammad al- (2000), *Al-Imam al-Syatibi Sayyid al-Qurra’,* Damsyiq: Dar al-Qalam.

Jarmi, Ibrahim Muhammad al- (2001), *Mu’jam ‘Ulum al-Qur’an,* Damsyiq: Dar al-Qalam.

Juraysi, Muhammad Makki Nasr al- (2003), *Nihayah al-Qawl al-Mufid ,* Beirut: Dar al-Kutub al- ‘Ilmiyyah.

Kumma, Ahmad al-Sayyid al- (Dr.) dan Qasim, Muhammad Ahmad Yusuf al- (Dr.) (1971), *Mudhakkirat fi ‘Ulum al-Qur’an*. Kaherah: Dar al-Jil li al-Tiba‘ah

Majidi, ‘Abd al-Salam Muqbil al- (2000), *Talaqqi al-Nabi Alfaz al-Qur’an al-Karim*, Beirut: Muassasah al-Risalah.

Murassafi, ‘Abd al-Fattah al-Sayyid al-‘Ajimi al- (2001), *Hidayah al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari,* Madinah: Dar al-Fajr al-Islamiyyah.

Muhammad ‘Abd al-Dayim Khamis (2003), *Fayd al-Rahman fi Tajwid al-Qur’an*, Tanta: Maktabah Qarabah.

Muhammad Abu al-Khayr (2002), *Al-Usul wa al-Thawabit li al-Qurra’ al-Sab’ah min Tariq al-Syatibiyyah*, Tanta: Dar al-Sahabah.

Muhammad Fahd Kharuf (1995), *Al-Bayan fi Tartil al-Qur’an,* Damsyiq: Dar al-‘Ulum al-Insaniyyah.

Muhammad Isma‘il, Sya‘ban (Dr.) (1986), *Al-Qira’at Ahkamuha wa Masdaruha*. Kaherah: Dar al-Salam

Muhammad Isma‘il, Sya‘ban (Dr.) (1978), *Ma‘ al-Qur’an al-Karim fi Tarikhih, Khasa’isih, Ahkamih, Asrarih, Qira’atih, Adab Tilawatih, Nasikhih wa Mansukhih*. Kaherah: Dar al-Ittihad al-‘Arabi li al-Tiba‘ah.

Muhammad Khalid ‘Abd. al-‘Aziz Mansur Dr (1999), *Al-Wasit fi ‘Ilm al-Tajwid*, Urdun: Dar al-Nafais.

Muhammad Mahmud ‘Abd Allah (1996), *Kayfa Tajawwada al-Qur’an al-‘Azim*, Kaherah: Maktabah al-Qudsi li al-Nasyr wa al-Tawzi‘.

Muhaysin, Muhammad Salim (t.t.), *Irsyad al-Talibin ila Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Dar al-Sya‘b

Muhaysin, Muhammad Salim. (1988), *Al-Mughni fi Tawjih al-Qira’at al-‘Asyr al-Mutawatirah*, Beirut: Dar al-Jil

Muhaysin, Muhammad Salim. (1989), *Fi Rihab al-Qur’an al-Karim*, Beirut: Dar al-Jil.

Muhaysin, Muhammad Salim (2002), *Al-Qawl al-Sadid fi al-Difa’ ‘an Qira’at al-Qur’an al-Majid*, al-Madinah al-Munawwarah: Dar Muhaysin.

Muhaysin, Muhammad Salim. (1976), *Al-Mustanir fi Takhrij al-Qira’at al-Mutawatirah*, Kaherah: Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah

Musallami, Syeikh Muhammad ‘Abd al-Mun’im al- (1993), *Al-Tajwid*, Kaherah: Jama’ah Ansar al-Sunnah al-Muhammadiyyah.

Nabil bin Muhammad ‘Ali Isma’il Dr (2002), *Al-Imam Ibn al-Jazari wa Juhuduh fi ‘Ilm al-Qira’at,* Riyadh: Dar Ibn Hazm.

Nawawi , Abi Zakariyya Yahya bin Syarf al-Din al- (1984). *Al-Tibyan fi Adab Hamlah al-Qur’an*. Beirut: Dar al-Nafa’is

Nawawi, Abi Zakariyya Yahya bin Syarf al-Din al- (1994), *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi,* Beirut: Mu’assasah Qurtubah

Naysaburi, Muslim bin al-Hajaj Abu Husayn al-Qashiri al. (t.t), *Sahih muslim,* Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiy

Qabah, ‘Abd al-Halim bin Muhammad al-Hadi al- (1999), *Al-Qira’at al-Qur’aniyyah Tarikhuha, Thubutuha, Hujjiyyatuha wa Ahkamuha*, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

Qadi, ‘Abd al-Fattah al- (1982), *Al-Wafi fi Syarh al-Syatibiyyah fi al-Qira’at al-Sab*‘. Kaherah: Dar al-Sya‘b

Qadi, ‘Abd al-Fattah al- (1996), *Basyir al-Yasir Syarh Nazimah al-Zuhr Fi ‘Ilm al-Fawasil*. Kaherah: Matabi‘ al-Muassasah Dar al-Sya‘b

Qadi, ‘Abd Fattah al- (1981), *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qira’at al-‘Asyr al-Mutawatirah min Tariqay al-Syatibiyyah wa al-Dura*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.

Qadi, ‘Abd Fattah al- (1977), *Tarikh al-Mushaf al-Syarif*. Kaherah: Dar al-Sya‘b

Qattan, Manna‘ al- (1999), *Mabahith fi ‘Ulum al-Qur’an*, Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

Qamhawi, Muhammad al-Sadiq al- (t.t), *Al-Kawkab al-Durri fi Syarh Tayyibah Ibn al-Jazari*, Kaherah: Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah.

Qamhawi, Muhammad al-Sadiq al- (1993), *al-Burhan fi Tajwid al-Quran* Kaherah: Maktabah al-Sunnah

Qari, Abi ʿAsim, ʿAbd al-ʿAziz bin ʿAbd al-Fattah al- (1404 H), *Qawaʿid al-Tajwid ʿala Riwayah Hafs ʿan ʿAsim bin Abi al-Najud*. Al-Madinah al-Munawwarah : Maktabah al-Dar

Qastalani, al-Imam Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad al- (2000), *Al-Fath al-Mawahibi fi Tarjamah al-Imam al-Syatibi*,’ Amman: Dar al-Fath.

Qaysi, Makki bin Abi Talib al- (2002), *Al-Ri’ayah li al-Tajwid al-Qiraah wa Tahqiq Lafz al-Tilawah*, Tanta: Dar al-Sahabah.

Qazuyani Muhammad bin Yazid Abu ‘Abd Allah al- (t.t) *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Fikr

Qudah, Dr. Muhammad ‘Isam Muflih al-, Dr Ahmad Khalid Syukri dan Dr. Ahmad Muhammad al-Qudah al- (2003), *Al-Wadih fi Ahkam al-Tajwid*, Urdun: Dar al-Nafais.

Qurṭubi, Muḥammad b. Aḥmad al-Anṣāri al- (1993.), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān, wa al-Mubayyin li mā Taḍammanahū min al-Sunnah wa Ayi al-Furqān,* Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Rafi‘i, Mustafa Sadiq al- (1990), *Ia‘jaz al-Qur’an wa al-Balaghah al-Nabawiyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi

Sabuni, Muhammad ‘Ali al- (1997) Sufwah al-Tafasir. Kaherah: Dar al-Sabuni

Salih, Subhi al- (Dr.) (1990), *Mabahith fi ‘Ulum al-Qur’an*, Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin

Sa‘udi, al-Syaykh Ahmad Syarbini (1990), *Al-Fajr al-Jadid fi ‘Ilm al-Tajwid.* Kaherah: Dar al-Manar

Sijistani, Abu Bakr ‘Abd Allah bin Abi Dawud Sulayman bin al-‘Asy’ath al- (1985), *Kitab al-Masahif*, Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Sijistani, Abu Bakr ‘Abd Allah bin Abi Dawud Sulayman bin al-Asy‘ath al-Azadi al- (t.t), *Sunan ‘Abi Dawud,* Beirut: Dar al-Fikir

Sindi, Dr. ‘Abd. al-Qayyum bin ‘Abd al-Ghafur al- (2001), *Safahat fi ‘Ulum al-Qur’an,* Beirut: Dar al-Basyair.

Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd. al-Rahman bin Abu Bakr al- (1994), *Tabaqat al-Huffaz,* Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Syatibi, al-Qasim bin Fiyyruh bin Khalaf bin Ahmad al- (1937), *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani fi al-Qira’at al-Sab*‘, Kaherah: Dar Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.

Syaykh ‘Uthman, Husayni (1987), *Haq al-Tilawah*. Jordan: Maktabah al-Manar

Tabari, Abi Ja‘far Muhammad bin Jarir al- (1986), *Jami*‘ *al-Bayan fi Tafsir al-Qur’an*,. Beirut : Dar al-Ma‘rifah

Tanbuli, Mina Darways al- (2002), *Al-Muyassar fi ‘Ilm al-Tajwid*, Kaherah: Dar Gharib.

Tirmidhi, Muhammad bin ‘Isa al-Sulami al- (t.t) Al-Jami‘ al-Sahih Sunan al-Tirmidhi., Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiy

Tunisi, al-Syaykh Ibrahim bin Ahmad al-Marghani al- (1995), *Dalil al-Hayran ‘ala Mawrid al-Zam’an fi Fannay al-Rasm wa al-Dabt*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah

Zamakhsyari, Abi al-Qasim Mahmud bin ‘Umar al-. (1998) *Al-Kasyaf ‘an Haqa’iq Ghawamid al-Tanzil wa ‘Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta’wil*. Riyadh: Maktabah al-‘Abikan

Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin ‘Abd Allah al- (1988), *Al-Burhan fi ‘Ulum al-Qur’an*, Beirut: Dar al-Jil

Zarqani, Muhammad ‘Abd al-‘Azim al- (1988), *Manahil al-‘Irfan fi ‘Ulum al-Qur’an*, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah

Za’balawi, Dr. Muhammad al-Syed al- (2000), *Ahkam al-Tajwid Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq,* Riyadh: Maktabah al-Tawbah.

## RUJUKAN BAHASA MELAYU

Abdullah al-Qari Haji Saleh (2002), *Kursus Qari dan Qariah*, C.26, Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.

Abu Mardiyyah (2004), *Tajwid al-Quran*, C.1, Kuala Lumpur: al-Jenderaki Enterprise.

Chua Yan Piaw(2006), Kaedah Penyelidikan, Kuala Lmpur: Mc Graw Hill

H. As'ad Humam (1999), *Ilmu Tajwid Cara Mudah & Berkesan*, C.6, Selangor: Pustaka Dini.

H. Bey Arifin (1976) *Samudera al-Fatihah*. Surabaya: PT Bina Ilmu

Ismail Masyhuri (1993), *Fadilat Membaca Dan Menghafal al-Quran Serta Panduan Menghafalnya,* C.1, Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas.

Mahadi Dahlan (1996), *Tajwid Ilmi dan Amali*, C.1, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

Mohd Rahim Jusoh (2001), *Pengenalan Ilmu Qiraat*, C.2, Selangor: Mahsuri Timur Sdn Bhd.

Muhammad Nur Lubis (2002), *Sejarah Penulisan Mushaf al-Syarif*, C.1, Brunei: Brunei Shell Marketing Company Sdn Bhd.

Nadawi, Surur Shihabuddin al- (2004), *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs 'an-'Asim Melalui Toriq al-Syatibiyyah*, C.1, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.

Teuku Iskandar Dr. (2004). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Syed Arabi Idid. (2002), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains* c. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

**LATIHAN ILMIAH / DISERTASI**

Abdullah Bukhari Abd Rahim (2000), *Ilmu Fawasil : Suatu Kajian Tentang Kaedah Pembelajarannya Di Darul Quran JAKIM*, Latihan Ilmiah, Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abdullah Muhammad (2004), *Kemahiran ilmu tajwid di kalangan pelajar : kajian di Maktab Perguruan Besut, Terengganu,* Disertasi Sarjana, Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abdul Rahman Al-Qari Abdullah (2003), *Bacaan Al-Quran Menurut Qiraat Nafi' : Kajian Di Ma'had Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong Kelantan*, Disertasi Sarjana, Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Ahmad Dasuki Hashim (2002), *Perbezaan Maahad Tahfiz Swasta Dan Kerajaan : Suatu Kajian Di Institut Al-Quran Kuala Lumpur Dan Darul Quran JAKIM*, Latihan Ilmiah, Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Asmariah Othman (2001), *Kepentingan Penguasaan Ilmu Tajwid Di Kalangan Mahasiswa Dan Mahasiswi Islam : Satu Kajian Di UM*, Latihan Ilmiah, Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2006), *Kelas agama di masjid-masjid daerah Hulu Langat : kajian tentang persepsi masyarakat dan keberkesanannya,* Disertasi Doktor Falsafah, Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Hasbullah Omar Majid (1996), *Kelas Al-Quran Dan Tajwid Dan Fardu Ain : Satu Kajian Di Daerah Sik Kedah Darul Aman*, Latihan Ilmiah, Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Romlah Abubakar Askar (2004), *Hadith al-Imam al-Baghawi dalam Tafsir Ma'alim al-Tanzil : kajian khusus tentang surah al-Fatihah dan al-Baqarah*. Disertasi Doktor Falsafah, Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sabri Muhammad (2002), *Peranan Qiraat Syadhdhah Di Dalam Penafsiran Al-Quran : Satu Kajian Terhadap Surah Al-Baqarah Ayat 1 Hingga 100*, Disertasi Sarjana, Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Safinah Yaakob (1992), *Pembacaan Al-Quran Secara Tartil : Satu Kajian Terhadap Kemampuan Di Kalangan Siswa-siswi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*, Latihan Ilmiah, Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Shaharuddin Saad (2002), *Dabt Al-Quran : Suatu Kajian Tentang Kaedah Pengajian Di Darul Quran Jakim*, Latihan Ilmiah, Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Siti Fatimah Sudin (2002), *Pembacaan Al-Qur'an di kalangan mahasiswa Melayu : suatu kajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor,* Disertasi Sarjana, Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Zuraidah Othman (2006), *Amalan dan kemahiran membaca al-Quran di kalangan pelajar Institut Bahasa Melayu Malaysia***,** Disertasi Sarjana, Pengajian Islam, Universiti Malaya.

**LAMPIRAN**

**Lampiran 1: Peta Daerah Hulu Langat, Selangor.**



**Lampiran 2: Struktur Temubual Dengan Nazir Masjid-Masjid Derah Hulu Langat Selangor.**

Soalan Temubual Dengan Nazir Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat

Masjid: ____________________________________________________________

Nama Nazir: _______________________________________________________

1. Adakah terdapat kelas pengajian Al-Quran atauTajwid di Masjid Tuan?

   ____________________________________________________________

2. Jika ada bagaimana bentuk kelas pengajiannya?

   ____________________________________________________________

3. siapakah yang mengajar?

   ____________________________________________________________

4. Bagaimana dengan sambutan dari jemaah?

   ____________________________________________________________

**Lampiran 3: Skor Penilaian Markah Bacaan Surah Al-Fatihah Jemaah Masjid**

**No Siri:_______**

| Skala | Kreteria | Catatan | Markah |
|---|---|---|---|
| 20 (Cemerlang) | - Dapat menyempurnakan bacaan Surah al-Fatihah dengan mengikut hukum tajwid dengan tepat<br><br>- Sebutan huruf dari segi fasahah yang baik, makhraj huruf yang tepat<br><br>- Tidak melakukan kesalahan besar atau kecil | | |
| 16-19 (Baik) | - Dapat menyempurnakan bacaan Surah al-Fatihah mengikut hukum Tajwid yang tepat<br><br>- Sebutan huruf yang yang baik fasahah dan makhraj<br><br>- melakukan 1-3 kesalahan kecil | 19 18 17 16 | |
| 6-15 (Sederhana) | - Tidak dapat menyempurnakan bacaan surah al-Fatihah mengikut hukum Tajwid yang tepat<br><br>- Bacaan tidak lancar dari segi fasahah namun betul dari segi makhraj huruf<br><br>- Melakukan lebih dari 3 kesalahan kecil | 15 14 13 12 11 10 9 8 7 6 | |
| 1-5 (Lemah) | - Melakukan kesalahan besar dalam bacaan surah al-Fatihah<br><br>- Bacaan tidak lancar dari segi fasahah | 5 4 3 2 1 | |

**Lampiran 4 : Bentuk Kesalahan Yang Dilakukan Responden Semasa Pembacaan Surah Al-Fatihah**

# Bentuk-Bentuk Kesalahan

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Penambahan Sabdu | |
| 2 | Tertinggal Sabdu | |
| 3 | Penukaran Huruf | |
| 4 | Tafkhim dan Tarqiq | |
| 5 | Qalqalah | |
| 6 | Mad dan al-Qasr | |